We are committed to delivering the best customer experience. If You have any complaints or dissatisfactions with any of our products or services, We would like to hear from You. You can contact Us at:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000

Fax: 03-2109 6888

Call Centre: 1-300-888-622

Email: callcentre@zurich.com.my

Other Avenues to Seek Redress

If You are not satisfied with our final response or decision, You may write to Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (formerly known as Ombudsman for Financial Services) with details of the dispute and particulars of Your policy.

If the FMOS makes an award against Us, You are required to inform the FMOS of Your decision to accept or deny the award within fourteen (14) days. If You do not accept the award, You may reject the decision of the FMOS. You may choose to institute a court proceeding against Us or refer it to Arbitration.

The FMOS can be contacted through:

Financial Markets Ombudsman Service

(formerly known as Ombudsman for Financial Services)

Company No.: 200401025885

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 03 2272 2811

Website: www.fmos.org.my

If Your complaint does not fall within the purview of the FMOS, You may refer Your complaint to BNMLINK.

Write to:

Bank Negara Malaysia

BNMLINK

4th Floor, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

bnm.gov.my/BNMLINK

IMPORTANT

The Insured should read this Policy carefully, and if any error or misdescription to be found herein, or if the cover is not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to us and the Policy returned to us for our attention.

The benefit(s) payable under this product is (are) protected by PIDM up to limits. For more information, please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System brochure on our website www.zurich.com.my or on PIDM's website www.pidm.gov.my.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 201701035345 (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



Insurans Z Alliance Biz Protect

Kontrak Polisi

Bagi Kontrak Insurans Pengguna (Insurans sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan)

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Orang Yang Diinsuranskan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Orang Yang Diinsuranskan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Orang Yang Diinsuranskan berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Orang Yang Diinsuranskan dan **ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Orang Yang Diinsuranskan atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Orang Yang Diinsuranskan dan pihak Syarikat.

Bagi Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan)

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Orang Yang Diinsuranskan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Orang Yang Diinsuranskan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Orang Yang Diinsuranskan berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Orang Yang Diinsuranskan dan **ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Orang Yang Diinsuranskan atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan ganti rugi Orang Yang Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Orang Yang Diinsuranskan dan pihak Syarikat.

Syarikat bersetuju tertakluk kepada Terma, Had, Pengecualian, Peruntukan dan Syarat-Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendoskan atau selainnya dinyatakan di bawah setiap Seksyen Polisi ini, Syarikat akan membayar atau memenuhi bayaran atau membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk kerugian atau kerosakan harta benda Orang Yang Diinsuranskan atau liabiliti undang-undang terhadap pihak ketiga sebagaimana telah dinyatakan di setiap Seksyen yang berlaku dalam tempoh Polisi yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau semasa tempoh yang lebih lanjut yang dipersetujui oleh Syarikat dengan syarat had dalam apa jua keadaan tidak melebihi Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau jumlah lain atau jumlah-jumlah lain sebagaimana yang digantikan oleh itu melalui pengendorsan ke atasnya atau dilampirkan kepadanya yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

Perlindungan Polisi

SYARIKAT BERSETUJU tertakluk kepada Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorskan atau selainnya dinyatakan di sini kemudiannya bahawa jika perlindungan Insurans diberikan menurut pelbagai Seksyen yang dipilih dan terkandung di dalam Jadual yang dilampirkan kepada Polisi ini.

DENGAN SYARAT BAHAWA liabiliti Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan yang berhubung dengan setiap satu butiran tidak melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut yang diinsuranskan atau Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ini pada keseluruhannya atau jumlah yang lain yang boleh digantikan secara pengendorsan ke atasnya atau dilampirkan bersamanya yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

DENGAN SYARAT bahawa pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

Seksyen yang terdapat di bawah Polisi ini ialah:

SEKSYEN A : PERLINDUNGAN PAKEJ BIZ PROTECT	
SEKSYEN 1	INSURANS KECURIAN
SEKSYEN 2	INSURANS SEMUA RISIKO BAGI PERALATAN, PERABOT, LEKAPAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT
SEKSYEN 3	INSURANS WANG
SEKSYEN 4	INSURANS JAMINAN KESETIAAN
SEKSYEN 5	INSURANS KEMALANGAN DIRI KUMPULAN
SEKSYEN 6	INSURANS LIABILITI AWAM
SEKSYEN 7	INSURANS LIABILITI MAJIKAN
SEKSYEN B : PERLINDUNGAN PILIHAN	INSURANS SEMUA RISIKO PERALATAN BAGI JENTERA DAN PERALATAN PEGUN UNTUK KEGUNAAN PERINDUSTRIAN.

Seksyen 1 : Insurans Kecurian

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ini atau dalam sebarang Tempoh selanjutnya untuk mana Syarikat menerima pembayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Polisi ini:

1. Harta Benda yang diinsuranskan, atau mana-mana bahagian daripadanya yang diuraikan dan dimasukkan dalam Jadual Polisi ini, semasa terletak dalam Premis yang dinyatakan dalam Jadual Polisi tersebut, hilang:
 - (a) Kerana Kecurian selepas berlaku pecah masuk atau keluar Premis tersebut dengan paksa dan kekerasan oleh mana-mana orang atau (selain daripada kakitangan), atau
 - (b) Akibat dari rompakan bersenjata atau rompakan ganas.
2. Berlaku sebarang kerosakan kepada Harta Benda Yang Diinsuranskan tersebut atau kepada Premis disebabkan oleh sebarang Kecurian seperti yang tersebut di atas atau sebarang percubaan melakukannya.

Syarikat akan membayar atau mengganti kerugian Orang Yang Diinsuranskan bagi:

3. Kehilangan sedemikian setakat nilai pasaran pada waktu kehilangan (tidak termasuk sebarang bentuk keuntungan) dan/atau
4. Kos bersih membaiki kerosakan tersebut tetapi tidak melebihi, bagi mana-mana satu item yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, Jumlah Diinsuranskan terhadapnya atau berhubung dengan kerosakan kepada Premis, lima peratus (5%) daripada Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan atau secara sepenuhnya dalam mana-mana satu Tempoh Insurans, Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan tersebut.
5. Diinsuranskan atas dasar Kerugian Pertama sehingga Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual.
6. Kerugian Pertama tidak tertakluk kepada Syarat Purata.

Pengecualian

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap:

1. Kekurangan disebabkan oleh kehilangan tidak pasti dan/atau kiraan inventori di mana terdapat kemungkinan kecurian seperti tersebut di atas.
2. Kehilangan atau kerosakan akibat sebarang kecurian seperti tersebut di atas atau sebarang percubaan melakukannya oleh atau secara bersubahat dengan mana-mana anggota keluarga Orang Yang Diinsuranskan, kakitangan perniagaan atau pembantu rumah, atau sesiapa yang berada di Premis secara sah.
3. Kerosakan kepada kaca atau sebarang hiasan atau tulisan padanya.
4. Kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh akibat kebakaran atau letupan.
5. Kehilangan atau kerosakan kepada sebarang pingat, duit syiling, barang ganjil, ukiran, manuskrip, buku luar biasa, pelan, corak, model, acuan, reka bentuk, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji, wang, sekuriti untuk wang, setem, dokumen hak milik atau buku perniagaan melainkan dinyatakan secara khusus dalam Jadual.
6. Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku kerana, atau akibat daripada susut nilai, pengambilalihan atau jualan paksa (sama ada di bawah undang-undang atau tidak) atau rampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.
7. Kehilangan atau kerosakan yang timbul semasa Premis tidak dihuni bagi tempoh melebihi empat (4) hari berturut-turut atau dihuni cara selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual, melainkan kebenaran bertulis daripada Syarikat telah diperolehi terlebih dahulu dan premium tambahan yang diperlukan oleh Syarikat telah dibayar.

Syarat-syarat

1. **Kerugian Pertama (Tanpa Purata)**
Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa walaupun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, Seksyen ini dikeluarkan atas dasar Insurans kerugian pertama bagi harta benda yang dinyatakan dalam Jadual Polisi bagi Seksyen Polisi ini.
2. Syarikat boleh mengembalikan, memperbaiki atau menggantikan harta benda atau premis yang hilang atau rosak, yang mana berkenaan, sebagai pilihan lain daripada membayar jumlah kerugian atau kerosakan dan boleh menyertai mana-mana Syarikat Insurans lain dalam berbuat demikian sekiranya harta benda tersebut juga diinsuranskan oleh pihak lain. Setelah bayaran dibuat bagi sebarang tuntutan kehilangan di bawah Seksyen ini, harta benda berkenaan yang mana bayarannya telah dijelaskan akan menjadi milik Syarikat.

Lanjutan

1. Kerosakan kepada peti besi/laci dan kabinet akibat daripada pecah masuk dan keluar, yang benar-benar berlaku atau percubaan melakukannya tetapi terhad kepada jumlah Ringgit Malaysia Seribu: RM1,000.00 bagi mana-mana satu kejadian.
2. Dengan syarat bahawa dalam segala hal Premis yang dinyatakan didalam Jadual Polisi tidak termasuk sebarang laman, taman, bangunan luar atau sambungan lain kecuali ada dinyatakan secara khusus di dalam Jadual Polisi ini.

Fasal

1. Fasal Pemindahan Dalaman

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta benda dari satu bangunan ke bangunan lain di mana-mana satu tempat tersebut yang secara tidak sengaja tidak dimaklumkan kepada Syarikat, Insurans terhadap harta benda sedemikian akan mengikuti pemindahan tersebut, dengan pelarasan yang diperlukan bagi Jumlah Diinsuranskan dan premium dibuat dari tarikh pemindahan atau sejurus selepas kelalaian tersebut disedari.

2. Fasal Penetapan

For the purpose of determining where necessary the heading under which any property is insured, the Insurers agree to accept the designation Untuk tujuan menentukan tajuk yang sesuai di mana harta benda diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan bersetuju untuk menerima penetapan di mana harta benda tersebut telah dimasukkan di dalam buku Orang Yang Diinsuranskan.

Seksyen 2 : Insurans Semua Risiko

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi kepada Polisi atau dalam sebarang Tempoh selanjutnya untuk mana Syarikat menerima pembayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Polisi ini, Harta Benda Yang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual atau mana-mana bahagian daripadanya hilang atau rosak disebabkan oleh mana-mana Kejadian Luar Jangka semasa dalam Kejadian, maka Syarikat akan membayar atau atas pilihannya, melalui pengembalian atau pembaikan, menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan terhadap kehilangan atau kerosakan tersebut.

Pengecualian

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap:

1. Kecurian melainkan disertai dengan keganasan atau ancaman kepada orang atau pecah masuk menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam atau keluar daripada premis.
2. Sebarang bentuk kerugian turutan atau liabiliti undang-undang.
3. Kehilangan atau kerosakan kepada filem rakaman atau pita selain daripada menerusi kebakaran atau kecurian (dan hanya untuk nilai sebagai bahan yang tidak digunakan).
4. (a) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan pendam atau mekanikal, kerosakan mekanikal, kegagalan mekanikal atau elektrik, kepecahan, susut nilai, keadaan atmosfera atau sebarang sebab lain yang berlaku secara beransur-ansur,
(b) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal atau elektrik atau kelusuan dan kehausan,
(c) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan atau terlebih muatan atau ketegangan,
(d) kehilangan atau kerosakan yang timbul akibat karat, kulupuk, rama-rama, binatang perosak atau berhubung dengan sebarang proses pembersihan, pewarnaan, pembaikan, pemulihan, pengubahsuaian atau pemunggalan.
5. Kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada penahanan, rampasan, kemusnahan atau pengambilan oleh Pihak Kastam atau Pegawai atau Pihak Berkuasa lain menerusi rampasan atau jualan di bawah sebarang proses Undang-undang atau tindakan meninggalkan Harta Benda tersebut.
6. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh, berlaku kerana, disumbangkan oleh atau berpunca atau timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana daripada kejadian berikut iaitu
 - (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara
 - (b) dahagi, mogok, rusuhan dan kekacauan awam, kebangkitan tentera atau awam, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan darurat yang disebabkan oleh mana-mana kejadian atau punca yang menentukan perisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan darurat.
 - (c) sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau aktiviti yang bertujuan menjatuhkan Kerajaan de jure atau de facto menggunakan kekerasan atau mempengaruhi menggunakan keganasan atau kekerasan atau kecurian, rampasan atau penjarahan berhubung dengan mana-mana kejadian yang disebutkan di atas.
 - (d) kelewatan, rampasan, penyitaan atau penahanan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan atau menerusi kesan langsung atau tidak langsung mana-mana kejadian yang tersebut dan sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kehilangan atau kerosakan berlaku bebas daripada dan dalam apa jua cara tidak berkaitan dengan atau disumbangkan oleh atau berpunca daripada mana-mana kejadian atau kesan daripadanya dan tanpa bukti tersebut Syarikat tidak akan bertanggungjawab liabiliti untuk membuat sebarang bayaran bagi tuntutan sedemikian.
 - (e) sebarang tindakan keganasan.
7. (a) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau kesan daripada atau timbul daripada atau disumbangkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear swakekal.
(b) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.

Syarat-syarat

1. Syarikat boleh pada bila-bila masa atas perbelanjaannya sendiri menggunakan semua cara sah di bawah undang-undang atas nama Orang Yang Diinsuranskan untuk memperolehi semula mana-mana harta benda yang hilang dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan segala bantuan yang sewajarnya untuk tujuan tersebut. Syarikat mempunyai hak ke atas mana-mana Harta Benda yang tuntutan kehilangannya telah dibayar di bawah ini dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah melaksanakan semua penyerahan hak dan memberikan jaminan yang mungkin sewajarnya diperlukan bagi harta benda tersebut tetapi Orang Yang Diinsuranskan tidak berhak untuk meninggalkan sebarang Harta Benda kepada Syarikat.
2. Jika tuntutan dibuat atau dilakukan bagi Orang Yang Diinsuranskan yang didapati tidak benar atau melibatkan penipuan atau sengaja dibesar-besarkan atau sebarang perakuan palsu dibuat untuk menyokongnya atau jika sebarang kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi tindakan sengaja atau dengan pengetahuan dan kerjasama secara senyap Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana orang yang bertindak bagi Orang Yang Diinsuranskan atau tindakan tidak jujur mana-mana orang yang diamanahkan Peralatan ini, tiada tuntutan akan dibayar di bawah Polisi ini.

Fasal

1. Fasal Pemindahan Dalam

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta benda dari satu bangunan ke bangunan lain di mana-mana satu tempat tersebut yang secara tidak sengaja tidak dimaklumkan kepada Syarikat, Insurans terhadap harta benda sedemikian akan mengikuti pemindahan tersebut, dengan pelarasan yang diperlukan bagi Jumlah Diinsuranskan dan premium dibuat dari tarikh pemindahan atau sejurus selepas kelalaian tersebut disedari.

2. Fasal Penetapan

For the purpose of determining where necessary the heading under which any property is insured, the Insurers agree to accept the designation Untuk tujuan menentukan tajuk yang sesuai di mana harta benda diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan bersetuju untuk menerima penetapan di mana harta benda tersebut telah dimasukkan di dalam buku Orang Yang Diinsuranskan.

3. Fasal Penaksiran

Jika tuntutan agregat bagi mana-mana satu kerugian atau kerosakan tidak melebihi RM5,000/- atau 5% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan yang mana jumlah yang lebih rendah mengikut Item yang berkenaan, tiada inventori atau penaksiran khas bagi harta benda yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih bangunan dimasukkan dalam satu item tunggal, Memorandum ini hendaklah terpakai kepada semua jenis bangunan dan/atau kandungan mengikut Item yang terbabit.

4. Fasal Pindaan dan Pembaikan

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa pekerja dibenarkan berada di atau di persekitaran harta benda Orang Yang Diinsuranskan untuk menjalankan pengubahsuaian dan pembaikan dengan syarat perdagangan, pembuatan, jenis pekerjaan dan/atau pembinaan bangunan tidak berubah.

Manfaat Tambahan

i. Elaun Kesulitan

Syarikat akan membayar kepada Orang Yang Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan dalam jadual sekiranya harta yang diinsuranskan/dilindungi mengalami kerosakan akibat kebakaran dan/atau kilat atau bencana yang dinamakan dalam Polisi Insurans Kebakaran/Sijil Takaful Kebakaran.

Peruntukan

Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda mesti dikenal pasti di bawah Polisi Insurans Kebakaran/Sijil Takaful Kebakaran yang diinsuranskan/dilindungi dengan Zurich General Insurance Malaysia Berhad dan/atau Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

Pelan	Had Manfaat sehingga dan secara agregat
Pelan A, B & C	5% daripada jumlah tuntutan kerosakan harta benda atau Maks. RM7,500 mana-mana yg lebih rendah bagi mana-mana kerugian dan dalam mana-mana satu tempoh polisi

ii. Barang Peribadi

Syarikat akan membayar balik jumlah sehingga RM500 berhubung dengan kehilangan atau kerosakan barang peribadi yang dibawa atau dipakai oleh Orang Yang Diinsuranskan atau kakitangan penting (hanya untuk seorang kakitangan penting) yang berada di premis perniagaan akibat kecurian. Manfaat ini hanya perlu dibayar sekali dalam tempoh Insurans.

iii. Kepingan Kaca

Syarikat akan membayar kos sebenar untuk menggantikan dan membaiki kepingan kaca dalam bingkainya atau pada kedudukan asal dengan kepingan kaca yang serupa jenis dan kualiti yang serupa dengan kepingan kaca yang telah pecah. Tertakluk kepada had maksimum RM3,000. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali sepanjang Tempoh Insurans.

Pengecualian:

Syarikat tidak akan membayar untuk kerosakan untuk:

- a) Harta benda semasa pemasangan atau pengeluaran kaca;
- b) Kaca yang merupakan stok dagangan atau barang niaga; atau
- c) kaca yang tergores, sumbing atau luntur warna .

Seksyen 3 : Insurans Wang

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa tertakluk kepada Terma, Pengecualian, Had dan Syarat-Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorseskan atau secara lain dinyatakan bersamanya, Syarikat akan menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan terhadap sebarang kehilangan wang, seperti tunai, wang kertas bank, mata wang kertas, cek, bil pertukaran, pesanan pos, pesanan wang, setem pos atau setem lain yang mempunyai nilai wang, atas sebarang sebab di bawah "Keadaan" yang diterangkan di dalam ini yang benar-benar berlaku dalam had wilayah dan dalam Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi bersama ini atau dalam mana-mana tempoh selanjutnya yang mana Syarikat menerima bayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Polisi ini.

KEADAAN YANG BERKAITAN

SEKSYEN A: WANG DALAM TRANSIT:

- (a) Dari Bank ke Premis Orang Yang Diinsuranskan untuk pembayaran upah, gaji, pendapatan lain atau tunai runcit dari masa wang diterima di Bank oleh kakitangan atau wakil Orang Yang Diinsuranskan yang diberi kuasa sehingga diserahkan di Premis Orang Yang Diinsuranskan dan (kecuali berkaitan wang tunai runcit) sepanjang masa ia berada di sana sehingga bayaran dibuat; dengan syarat semua wang yang tidak dibayar pada hari ia diterima daripada Bank, hendaklah disimpan dengan selamat di dalam peti besi berkunci atau bilik kebal Orang Yang Diinsuranskan selepas waktu perniagaan. Cek yang dikeluarkan oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk membuat pembayaran tersebut dilindungi semasa dalam transit dari Premis Orang Yang Diinsuranskan ke Bank.
- (b) Dari Premis Orang Yang Diinsuranskan ke Bank semasa dalam penjagaan peribadi kakitangan atau wakil Orang Yang Diinsuranskan yang diberi kuasa.
- (c) Dari masa penerimaan dan sehingga diserahkan ke Premis Orang Yang Diinsuranskan atau Bank oleh kakitangan atau wakil Orang Yang Diinsuranskan yang diberi kuasa dengan syarat semua wang perlu diserahkan pada hari yang sama wang diterima.

SEKSYEN B: WANG DI DALAM PREMIS:

Wang semasa berada di premis Orang Yang Diinsuranskan dan disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal berkunci atau laci berkunci atau kabinet berkunci atau mesin tunai berkunci atau peti tunai runcit berkunci berikutan pecah masuk menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam Premis atau disebabkan oleh rompakan bersenjata atau rompakan menggunakan keganasan; dengan syarat bahawa liabiliti Syarikat adalah terhad kepada jumlah wang yang ditunjukkan dalam rekod Orang Yang Diinsuranskan pada masa kerugian tetapi tidak melebihi Had Liabiliti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi bagi Polisi ini.

ADALAH JAMINAN bahawa Insurans ini tidak melindungi kehilangan wang dari peti besi atau bilik kebal atau laci atau kabinet atau mesin tunai atau peti tunai runcit dengan menggunakan kunci peti atau bilik kebal atau laci atau kabinet atau mesin tunai atau peti tunai runcit tersebut melainkan kunci diambil menggunakan ugutan atau keganasan.

ADALAH JAMINAN SELANJUTNYA bahawa apabila Premis ditinggalkan tidak dijaga, kunci dan rekod nombor kombinasi hendaklah dipindahkan dari Premis oleh Orang Yang Diinsuranskan atau orang lain yang bertanggungjawab yang dilantik olehnya.

Pengecualian

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap:

1. Kekurangan disebabkan oleh kesilapan perkeranian atau perakaunan dan kehilangan disebabkan oleh kesilapan dalam penerimaan atau pembayaran.
2. Kehilangan atau kerosakan oleh atau menerusi tindakan bersubahat oleh atau penggelapan melibatkan penipuan atau pelepasan melibatkan penipuan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana orang yang berkhidmat dengan Orang Yang Diinsuranskan.
3. Kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada kenderaan yang tidak dijaga.
4. Kehilangan atau kerosakan yang berlaku di premis yang ditutup pada masa kehilangan atau kerosakan melainkan wang disimpan di dalam peti besi berkunci atau bilik kebal berkunci.
5. Kehilangan atau kerosakan yang berlaku di luar had-had wilayah yang dinyatakan dalam Jadual.
6. Sebarang bentuk kerugian turutan.
7. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan, berlaku kerana atau kesan daripada peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, rusuhan, mogok, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau penyitaan atau pemusnahan atas perintah mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau menerusi sebarang kesan langsung atau tidak langsung mana-mana kejadian tersebut dan sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah ini, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian atau kerosakan timbul secara berasingan dan langsung tiada kaitan atau disebabkan oleh atau berlaku kerana mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas atau kesan daripadanya dan Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran bagi tuntutan tersebut tanpa sebarang bukti.
8. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku kerana atau kesan daripada susut nilai, penyitaan, pengambilan dan jualan wajib (sama ada di bawah statut atau selainnya) atau rampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.
 - (a) secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear, Untuk tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear swakekal.
 - (b) secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
 - (c) sebarang tindakan keganasan.

9. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku kerana atau kesan daripada susut nilai, penyitaan, pengambilan dan jualan wajib (sama ada di bawah statut atau selainnya) atau rampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.

Syarat-syarat

1. Premium di bawah ini dan semua Premium Pembaharuan yang mungkin diterima berhubung dengan risiko transit hendaklah dikawal selia berasaskan jumlah wang seperti yang dinyatakan dalam Jadual dalam Tempoh Insurans semasa. Rekod sewajarnya hendaklah disimpan dalam buku Orang Yang Diinsuranskan bagi semua wang dalam transit yang diinsuranskan. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa buku tersebut dan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh luput setiap Tempoh Insurans, hendaklah memberi Syarikat keterangan betul semua wang sedemikian dalam transit menurut Seksyen ini dalam tempoh tersebut. Jika jumlah yang dipastikan berbeza daripada jumlah anggaran yang menjadi asas premium yang dibayar baginya, perbezaan premium hendaklah diselesaikan menerusi pembayaran bersekadar kepada Syarikat atau pembayaran balik oleh Syarikat, mengikut keadaan.
2. Apabila premis ditutup untuk perniagaan, semua kunci dan rekod kombinasi angka peti besi dan/atau bilik kebal hendaklah dipindahkan daripada premis kecuali apabila Orang Yang Diinsuranskan atau kakitangan diberi kuasa yang bertanggungjawab berada di dalamnya.
3. Jika Orang Yang Diinsuranskan atau kakitangan yang diberi kuasa memegang kunci atau rekod kombinasi angka tinggal di kediaman yang bersebelahan dan bersambungan dengan premis, kunci dan rekod kombinasi nombor mesti dipindahkandaripada kediaman apabila ditinggalkan tanpa dijaga.

Fasal/Lanjutan/Waranti

1. **Kerosakan kepada Laci, Peti Besi atau Bilik Kebal**
Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini dilanjutkan untuk meliputi kerosakan kepada peti besi/laci dan kabinet yang disebabkan oleh pecah masuk atau keluar, yang benar-benar berlaku atau percubaan melakukannya tetapi terhad kepada jumlah Ringgit Malaysia Seribu: RM1,000.00 bagi mana-mana satu kejadian.

2. **Fasal Kunci**
Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini tidak melindungi kehilangan Tunai dan/atau barangan berharga yang diambil daripada peti besi, laci/kabinet atau peti tunai runcit dengan menggunakan kunci atau apa-apa kunci pendua kepada peti besi, laci/kabinet atau peti tunai runcit yang dimiliki oleh Orang Yang Diinsuranskan dan peti besi, laci/kabinet atau peti tunai runcit hendaklah dikunci pada setiap masa kecuali apabila ia sedang digunakan.

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui selanjutnya bahawa kunci kepada peti besi, laci/kabinet atau peti tunai runcit hendaklah disimpan pada setiap masa oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk memegangnya dan kunci tersebut hendaklah tidak ditinggalkan di dalam premis di mana peti besi, laci/kabinet atau peti tunai runcit berada pada bila-bila masa apabila mereka perlu keluar daripada premis.

3. **Fasal Tahanan/Rompakan Bersenjata**
Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini dilanjutkan untuk melindungi risiko Rompakan Bersenjata/Tahanan di dalam premis yang dinyatakan di dalam ini.

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui selanjutnya bahawa perkataan 'Rompakan Bersenjata/Tahanan' hendaklah bermaksud pengambilan harta benda yang diinsuranskan

- (i) dengan keganasan yang berlaku terhadap penjaganya
- (ii) dengan menakutkannya menggunakan keganasan
- (iii) daripada penjaga yang telah dibunuh atau tidak sedarkan diri

Semua terma dan syarat-syarat lain kekal tidak berubah.

4. **Tunai dalam Laci Berkunci dan/atau Kabinet Berkunci**
Walaupun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa rekod lengkap jumlah tunai dalam laci berkunci dan/atau kabinet berkunci hendaklah disimpan secara selamat di tempat selain daripada laci dan/atau kabinet tersebut dan liabiliti Syarikat terhad kepada jumlah tunai yang ditunjukkan dalam rekod sebagai berada dalam laci dan/atau kabinet tersebut pada masa kehilangan yang tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia Seribu: RM1,000 bagi mana-mana satu kejadian.

5. **Pengendorsan Lanjutan Serangan Kemalangan Diri**
Sebagai pertimbangan untuk pembayaran premium tambahan (termasuk dalam premium untuk polisi ini), Syarikat bersetuju dengan tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung atau diendorskan di dalam polisi ini dan Syarat Khas di bawah ini bahawa sekiranya berlaku sebarang kejadian yang dinyatakan yang berlaku kepada Orang Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di bawah ini dalam Tempoh Insurans yang diakibatkan oleh penyerang dalam percubaan merompak semasa Orang Yang Diinsuranskan sedang

- (a) membawa Wang bagi Orang Yang Diinsuranskan
- (b) pergi atau balik dari membawa Wang tersebut

dan Orang Yang Diinsuranskan dengan itu menderita akibat daripada mana-mana Akibat yang dinyatakan di bawah ini, Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan dengan Pampasan yang dinyatakan bagi Akibat tersebut.

ORANG YANG DIINSURANS:

Dua (2) kakitangan yang diberi kuasa untuk mengiringi Wang dalam transit

KEJADIAN:

Kecederaan Badan yang disebabkan semata-mata oleh kejadian malang, tidak disengajakan, luaran dan ketara yang mana kecederaan tersebut, bebas daripada sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya punca mana-mana Akibat yang dialami.

AKIBAT:**PAMPASAN:**

(a)	Kematian	)	(	(a) RM10,000/-
		)	(	
(b)	Kehilangan Menyeluruh dan Kekal penglihatan pada kedua-dua mata	)	(	(b) RM10,000/-
		)	(	
(c)	Kehilangan menyeluruh akibat putus secara fizikal kedua-dua tangan atau kaki atau satu tangan dan satu kaki	)	(	(c) RM10,000/-
		)	(	
		)	(	
		)	(	
(d)	Kehilangan menyeluruh akibat putus satu tangan atau satu kaki serta kehilangan menyeluruh dan kekal penglihatan pada satu mata	)	(	(d) RM10,000/-
		)	(	
		)	(	
		)	(	
(e)	Kehilangan menyeluruh dan kekal penglihatan pada satu mata	)	(	(e) RM5,000/-
		)	(	
		)	(	
(f)	Kehilangan menyeluruh akibat putus secara fizikal satu tangan atau satu kaki	)	(	(f) RM5,000/-
		)	(	

Yang berlaku dalam masa
tiga (3) bulan dari
berlakunya kejadian

PAMPASAN TIDAK AKAN DIBAYAR UNTUK

- Lebih daripada satu Akibat (a) hingga (f) dan apabila perlu dibayar untuk satu daripada Akibat, ia tidak akan dibayar bagi mana-mana Akibat lain yang disebabkan oleh kejadian sama dan bukan untuk sebarang Akibat yang disebabkan oleh mana-mana kejadian berikutnya.

SYARAT-SYARAT KHAS:

- Pengendorsan ini tidak terpakai bagi mana-mana kejadian
 - disebabkan oleh sebarang kecacatan fizikal sedia ada atau kelemahan Orang Yang Diinsuranskan
 - berlaku kepada Orang Yang Diinsuranskan yang berumur di bawah 16 atau lebih 65 tahun pada masa kejadian tersebut
 - berikutan dengan kehamilan atau melahirkan anak.
- Semua Sijil dan maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah diberikan atas perbelanjaan Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Penuntut di bawah ini dan hendaklah dalam bentuk atau jenis yang ditetapkan oleh Syarikat.
- Orang Yang Diinsuranskan hendaklah kerap seperti yang diminta untuk menjalani pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat atas perbelanjaannya sendiri.
- Syarikat, dalam kes kematian Orang Yang Diinsuranskan, berhak untuk menjalankan bedah siasat atas perbelanjaannya sendiri.
- Tiada pemegang serah hak layak menerima sebarang Pampasan di bawah pengendorsan ini.

Tertakluk kepada terma, syarat-syarat dan had limit yang terkandung dalam polisi ini.

Seksyen 4 : Insurans Jaminan Kesetiaan

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa tertakluk kepada Terma, Pengecualian, Had dan Syarat-Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorseskan padanya, sebagai pertimbangan bagi Majikan membayar atau bersetuju membayar kepada Syarikat Premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

Syarikat bersetuju untuk membayar pampasan dan ganti rugi kepada Majikan bagi sebarang kerugian kewangan langsung (tidak melebihi had jaminan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi) yang ditanggung oleh Majikan akibat sebarang penipuan atau perbuatan tidak jujur mana-mana kakitangan (seterusnya dirujuk sebagai "Kakitangan berkenaan"):

1. Dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan,
2. Semasa Kakitangan yang berkenaan bekerja secara terus-menerus dan,
3. Berkaitan dengan pekerjaan dan tugas Kakitangan yang berkenaan.

Pengecualian

Dengan Syarat Dalam Segala Hal bahawa Syarikat tidak bertanggungjawab:

1. Berhubung dengan sebarang penipuan atau perbuatan tidak jujur yang dilakukan oleh Kakitangan berkenaan melainkan penipuan atau perbuatan tidak jujur tersebut disedari dalam Tempoh Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di atas dan dalam masa enam (6) bulan selepas itu atau dalam masa enam (6) bulan selepas kematian, pemecatan atau persaraan Kakitangan yang berkenaan, yang mana berlaku terlebih dahulu.
2. Jika jenis perniagaan Majikan atau tugas atau syarat-syarat pekerjaan telah ditukar atau imbuhan bagi Kakitangan yang berkenaan dikurangkan tanpa persetujuan Syarikat atau langkah berjaga-jaga dan pemeriksaan bagi melindungi akaun tidak dipatuhi dengan sewajarnya.
3. Untuk membayar lebih daripada satu tuntutan bagi Kakitangan yang berkenaan di bawah Polisi ini.

Syarat-syarat

1. Tertakluk dalam segala hal kepada persetujuan Syarikat, penambahan pengendorsan yang sesuai bersama ini dan pembayaran oleh Majikan bagi premium tambahan yang diminta dalam setiap kes oleh Syarikat, Majikan berhak pada bila-bila masa dalam tempoh kuat kuasa Seksyen ini menambah kepada Jadual Polisi bersama ini nama-nama kakitangan selanjutnya, dengan syarat dalam segala hal bahawa setiap cadangan atau kenyataan secara bertulis oleh Majikan berhubung dengan langkah meletakkan kakitangan di bawah jaminan tersebut hendaklah dianggap dimasukkan ke dalam kontrak asas dan tertakluk kepada kewajipan yang sama seolah-olah cadangan atau kenyataan tersebut telah dimasukkan ke dalam cadangan, perakuan atau surat-menyurat asal yang dirujuk sebelumnya di dalam ini.
2. Perjanjian ini dibuat dengan syarat bahawa perniagaan Majikan hendaklah dilaksanakan dan tugas kakitangan dan pemeriksaan yang dibuat terhadap akaun mereka dalam setiap hal adalah menurut kenyataan yang diberikan oleh Majikan untuk memohon jaminan dan sekiranya dalam tempoh perjanjian ini wujud, sebarang perubahan dibuat dalam apa-apa perkara yang dirujuk dalam kenyataan tersebut tanpa mendapatkan persetujuan atau kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat, atau jika sebarang penyembunyian, salah nyata atau kenyataan salah tentang mana-mana fakta yang mempengaruhi risiko Syarikat dibuat pada masa pembayaran premium pertama dan sebarang premium selanjutnya, atau jika Majikan terus mengamanahkan kakitangan dengan wang atau barangan selepas mendapati apa-apa perbuatan tidak jujur di pihaknya, perjanjian ini akan terbatal dan tidak sah dan semua premium yang dibayar untuknya diambil oleh Syarikat.
3. Sejurus selepas Majikan maklum tentang sebarang keadaan yang menimbulkan tuntutan atau yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Seksyen ini, Majikan atau wakilnya hendaklah serta-merta memberikan notis tentangnya kepada Syarikat jika mengetahui di mana Kakitangan yang berkenaan berada dan butiran maklumat tentang perbuatan atau kesalahan yang didapati dan hendaklah dalam tempoh tiga bulan selepas memberikan notis menyerahkan kepada syarikat butiran penuh tuntutan dan memberikan bukti untuk menyokong kebenaran tuntutan tersebut.
4. Sekiranya tuntutan dibuat, semua buku akaun Majikan dan mana-mana laporan akauntan terhadapnya hendaklah dibuka untuk pemeriksaan Syarikat dan Majikan hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan untuk membolehkan Syarikat mendapatkan bayaran balik daripada Kakitangan yang berkenaan atau harta pusaknya apa-apa wang yang telah dibayar oleh atau yang perlu dibayar oleh Syarikat di bawah Seksyen ini.
5. Majikan hendaklah, sekiranya dan apabila diperlukan oleh Syarikat tetapi atas perbelanjaan Syarikat, jika terdapat usaha wajar menyabitkan kesalahan, untuk mengambil segala langkah untuk mendakwa dan menyabitkan kesalahan Kakitangan yang berkenaan bagi sebarang perbuatan jenayah yang dilakukan oleh Kakitangan yang berkenaan dan yang kesannya ialah tuntutan telah dibuat di bawah Seksyen ini.

Sebarang wang milik Kakitangan berkenaan di tangan Majikan dan sebarang wang yang sepatutnya, tetapi disebabkan oleh sebarang perbuatan menipu dan tidak jujur, sepatutnya dibayar kepada Kakitangan berkenaan oleh Majikan, hendaklah dipotong daripada jumlah yang sepatutnya perlu dibayar di bawah Seksyen ini.

Fasal

1. Fasal Penambahan dan Pemadaman Automatik

Insurans yang diberikan di bawah Polisi ini akan dilanjutkan secara automatik untuk melindungi mana-mana kakitangan yang diambil dalam tempoh insurans, dengan had jaminan di bawah Polisi ini kekal tidak berubah.

Dengan syarat bahawa Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengisytiharkan kepada Syarikat secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan pekerjaan, butiran tentang penambahan dan/atau pemadaman berhubung dengan kakitangan yang diinsuranskan dalam tempoh insurans untuk tujuan pelarasan premium. Jaminan diberikan bahawa kakitangan yang berhenti kerja dengan Orang Yang Diinsuranskan akan dipadamkan secara automatik daripada Polisi.

Seksyen 5 : Insurans Kemalangan Diri Kumpulan

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa jika dalam Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan akibat kemalangan yang mana kecederaan tersebut semata-mata dan bebas daripada sebarang sebab lain mengakibatkan kematian atau kehilangan upaya Orang Yang Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan di dalam ini atau memerlukan rawatan perubatan atau pembedahan seperti yang ditakrifkan seterusnya di dalam ini, Syarikat tertakluk kepada terma, peruntukan, pengecualian dan syarat-syarat dan diendoskan pada Seksyen ini membayar kepada Orang Yang Diinsuranskan atau sekiranya berlaku kematian, kepada wakil peribadi sah Orang Yang Diinsuranskan, jumlah atau jumlah-jumlah wang yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

PERLINDUNGAN

KECEDERAAN BADAN yang disebabkan oleh kejadian tidak disengajakan yang mana kecederaan tersebut hendaklah semata-mata dan bebas daripada sebarang sebab lain mengakibatkan:-

Manfaat A	Kematian atau Kehilangan Upaya Kekal Akibat Kemalangan: yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kecederaan badan	Skala pampasan dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi Kematian dan Kehilangan Upaya Kekal Akibat Kemalangan
	Elaun Pengebumian dan Pembakaran 10% daripada Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan atau RM2,000.00 yang mana lebih rendah hendaklah dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat kemalangan	

DEFINISI

- "Orang Yang Diinsuranskan" bermaksud setiap satu Orang yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi yang dilampirkan sebagai Orang Yang Diinsuranskan.
- "Kecederaan Badan" bermaksud kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan di mana-mana sahaja di dunia disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kejadian tidak disengajakan dan hendaklah mengecualikan kecederaan badan yang disebabkan oleh penyakit, kesakitan atau gangguan perubatan.
- "Hospital" bermaksud institusi yang semata-mata ditubuhkan dan didaftarkan sebagai Hospital untuk menjaga dan merawat orang yang sakit dan cedera, dan yang
 - mempunyai kemudahan teratur untuk diagnosis dan pembedahan besar;
 - menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat siswazah dan berdaftar;
 - berada di bawah penyeliaan seorang pakar perubatan; dan
 - bukan terutamanya klinik, tempat jagaan kawalan untuk penagih alkohol atau dadah, pusat penjagaan atau rehat atau rumah orang tua atau institusi yang serupa.

JADUAL MANFAAT

Kematian dan Kehilangan Upaya Kekal	
Kematian Akibat Kemalangan	- Jumlah Keseluruhan menurut Jadual Polisi yang dilampirkan
Kehilangan Upaya Kekal	- Peratusan Jumlah Keseluruhan berikut menurut Jadual Polisi yang dilampirkan

Keterangan Kehilangan Upaya		Peratusan dari Jumlah Keseluruhan	
Kehilangan dua anggota	)		
Kehilangan kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari	)		
Lumpuh seluruh badan	)		
Tidak siaman sepenuhnya	)		
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar kekal di katil	)	100%	
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya menyeluruh dan kekal)	)		
Kehilangan lengan dari paras bahu	)		
Kehilangan lengan antara paras bahu dan siku	)		
Kehilangan lengan dari paras siku	)		
Kehilangan lengan antara siku dan pergelangan tangan	)		
Kehilangan tangan dari paras pergelangan tangan	)		
Kehilangan kaki	- dari paras pinggul	)	
	- antara lutut dan pinggul	)	
	- di bawah lutut	)	
Kehilangan mata	- seluruh mata	)	
	- penglihatan	)	
	- penglihatan, kecuali bayangan cahaya	50%	
	- kanta		50%
Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan			50%
Kehilangan empat jari			40%
Kehilangan ibu jari	- kedua-dua falanks		25%
	- satu falanks		10%
Kehilangan jari telunjuk	- tiga falanks		10%
	- dua falanks		8%
	- satu falanks		4%
Kehilangan jari hantu	- tiga falanks		6%

	- dua falanks	4%
	- satu falanks	2%
Kehilangan jari manis	- tiga falanks	5%
	- dua falanks	4%
	- satu falanks	2%
Kehilangan jari kelengkeng	- tiga falanks	4%
	- dua falanks	3%
	- satu falanks	2%
Kehilangan metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Kehilangan jari kaki	- semua falanks	15%
	- ibu jari, kedua-dua falanks	5%
	- ibu jari, satu falanks	2%
	- selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari setiap satu	1%
Kehilangan pendengaran	- kedua-dua telinga	75%
	- satu telinga	15%
Kehilangan upaya bertutur		50%

Sekiranya kecederaan tidak dinyatakan secara khusus, Syarikat berhak untuk menggunakan peratusan kehilangan upaya yang pada pendapatnya tidak bercanggah dengan peruntukan di dalam Jadual Manfaat.

Hilang penggunaan anggota secara menyeluruh dan kekal akan dianggap sebagai kehilangan anggota. Kehilangan upaya bertutur hendaklah bermakna kehilangan upaya penuh dan kekal untuk berkomunikasi secara lisan.

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya sejumlah 100% telah pun dibayar, semua perlindungan insurans di bawah ini tidak lagi berkuat kuasa dengan serta-merta. Bayaran untuk semua kehilangan lain yang kurang daripada 100% jika sudah dibuat akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh kemalangan sehingga luput Polisi.

Elaun Pengebumian dan Pembakaran

Sejumlah 10% daripada Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan atau RM2,000.00 yang mana lebih rendah hendaklah dibayar kepada wakil peribadi sah Orang Yang Diinsuranskan selepas menerima tuntutan sah disebabkan kematian akibat kemalangan Orang Yang Diinsuranskan sahaja. Jumlah maksimum yang perlu dibayar ialah RM2,000.00 tidak kira bilangan polisi yang dikeluarkan kepada Orang Yang Diinsuranskan oleh Syarikat.

PERUNTUKAN KHAS

- Kehilangan**
Diandaikan bahawa kematian telah berlaku jika Orang Yang Diinsuranskan hilang selama dua belas (12) bulan berturut-turut dan Syarikat telah memeriksa semua bukti yang diberikan untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi oleh Seksyen ini. Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat oleh syarikat untuk tuntutan tersebut, Orang Yang Diinsuranskan didapati masih hidup, pemulangan penuh hendaklah dibuat kepada Syarikat.
- Pendedahan**
Jika disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi oleh Seksyen ini, Orang Yang Diinsuranskan terdedah dengan cara yang tidak boleh dielakkan kepada unsur alam dan disebabkan oleh pendedahan tersebut mengalami sebarang kehilangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen ini, kehilangan khusus tersebut tertakluk kepada terma Polisi ini.

Pengecualian

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada:-

- Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam atau mengambil bahagian dalam:-
 - Perkhidmatan atau operasi angkatan tentera darat, laut atau udara;
 - Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur;
 - Memanjat batu atau mendaki bukit yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu gunung, meneroka gua, geluncur angin, terjun bungee, terjun payung atau sebarang bentuk perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
 - Penerbangan selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat syarikat penerbangan diiktiraf yang beroperasi dalam laluan udara terjadual biasa dan perjalanan udara mana-mana pesawat sewa yang mempunyai lesen sebagai syarikat penerbangan diiktiraf dan diterbangkan oleh kru profesional di antara lapangan terbang yang sedia ada dan disenggarakan dengan baik;
 - Perbuatan jenayah atau sebarang aktiviti haram.
- Orang Yang Diinsuranskan terlibat dengan dadah melainkan dadah diambil di bawah arahan pengamal perubatan berkelayakan yang sah dan arahan tersebut bukan untuk rawatan ketagihan dadah.
- Pembunuhan atau serangan diprovokasi, kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri atau percubaan bunuh diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
- Kehamilan, melahirkan anak atau kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.
- Pendedahan sengaja kepada bahaya luar biasa (kecuali percubaan menyelamatkan nyawa manusia).

6. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Keruitan Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira apa puncanya dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan tidak kira apa puncanya.
7. Penyertaan langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
8. Radiasi pengionan atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear swakekal
9. Peperangan, perang saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
10. Sebarang tindakan keganasan.

Syarat-syarat

Seksyen ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang maksud khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Seksyen atau Jadual hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.

1. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan notis serta-merta secara bertulis kepada Syarikat tentang sebarang perubahan pekerjaan, perniagaan, tugas atau kegiatan peribadi Orang Yang Diinsuranskan dan membayar sebarang premium tambahan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat. Sebelum setiap pembaharuan Polisi, Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan kepada Syarikat secara bertulis tentang sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah disedari atau dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan.
2. Jika berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Seksyen ini:-
 - (a) notis bertulis menyatakan butiran kecederaan hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam masa lima belas (15) hari selepas kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.
 - (b) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak mematuhi nasihat perubatan atau pembedahan yang sewajarnya secepat mungkin.
 - (c) semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat mesti diberikan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh Syarikat.
 - (d) Orang Yang Diinsuranskan mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut seperti yang ditetapkan oleh Syarikat atas perbelanjaan Syarikat.
 - (e) sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan, Syarikat berhak untuk menjalankan pemeriksaan bedah siasat atas perbelanjaan mereka sendiri dan notis hendaklah diberikan kepada Syarikat secepat mungkin sebelum pengebumian atau pembakaran dengan menyatakan masa dan tempat sebarang inkuies yang telah ditetapkan.
3. Seksyen ini tidak boleh diserahkan hak dan Syarikat tidak mengiktiraf atau dipengaruhi oleh sebarang amanah, cagaran, lien atau penyerahan hak berkaitan Seksyen ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang mungkin diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi sah Orang Yang Diinsuranskan kepada Syarikat bagi mana-mana jumlah keseluruhan atau pampasan di bawah Seksyen ini hendaklah dianggap pelepasan akhir dan muktamad semua liabiliti Syarikat berhubung dengan apa jua kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami Orang Yang Diinsuranskan disebabkan kemalangan sama yang berlaku sebelum atau selepas penerimaan atau pelepasan tersebut.
4. Tindakan undang-undang atau tindakan menuntut hak tidak boleh diambil untuk membuat tuntutan di bawah Seksyen ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian telah diberikan menurut keperluan Seksyen ini. Tiada tindakan akan diambil selepas tamat tempoh satu tahun selepas bukti bertulis kerugian perlu diberikan.
5. Sekiranya:
 - (a) mana-mana jawapan, pendedahan atau pernyataan yang Anda berikan, sebelum kontrak insurans ini dibuat, diubah atau diperbaharui, di dalam atau kepada sebarang cadangan atau perakuan atau pertanyaan, telah disalah nyata secara sengaja atau melulu dalam segala hal; atau
 - (b) sebelum kontrak insurans ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda gagal mendedahkan sebarang fakta yang Anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai;
 - (c) sebarang tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau jika perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut,
 maka dalam setiap kes di atas, Seksyen ini adalah terbatal.

Seksyen 6 : Insurans Liabiliti Awam

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa tertakluk kepada Terma, Pengecualian, Had dan Syarat-Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendoskan atau selainnya dinyatakan padanya, Syarikat akan Menanggung Kerugian Orang Yang Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan di dalam ini berhubung dengan liabiliti yang timbul daripada kemalangan yang berlaku dalam tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi atau dalam mana-mana Tempoh di mana Syarikat menerima bayaran bagi pembaharuan Polisi ini.

DENGAN SYARAT BAHAWA liabiliti Syarikat bagi pampasan kepada mana-mana pihak penuntut hendaklah terhad:

- (a) Berhubung dengan mana-mana satu kemalangan (istilah "kemalangan" bermaksud mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang timbul daripada satu kejadian tidak kira bilangan tuntutan yang mungkin timbul daripadanya) kepada jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
- (b) Dalam mana-mana satu Tempoh Insurans kepada jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

TANGGUNGAN KERUGIAN

Tertakluk kepada Had Liabiliti yang dinyatakan di dalam Jadual, Syarikat akan menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan bagi:

1. Semua jumlah di mana Orang Yang Diinsuranskan akan bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk membayar pampasan berhubung dengan:
 - a) Kecederaan badan akibat kemalangan kepada mana-mana orang
 - b) Kerosakan akibat kemalangan kepada harta benda yang berlaku di atau di sekitar Premis berhubung dengan Perniagaan Orang Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
2. Semua kos dan perbelanjaan litigasi yang:
 - a) Diperolehi daripada Orang Yang Diinsuranskan oleh mana-mana pihak penuntut
 - b) Ditanggung dengan kebenaran bertulis Syarikat berhubung dengan tuntutan terhadap Orang Yang Diinsuranskan untuk pampasan di mana Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di dalam Polisi diguna pakai.

FASAL BIDANG KUASA

Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di dalam Polisi ini tidak diguna pakai bagi atau termasuk:-

- (a) pampasan bagi kerosakan berhubung dengan keputusan yang tidak dibuat buat kali pertama atau diperolehi daripada Mahkamah dengan bidang kuasa sah di Malaysia.
- (b) kos dan perbelanjaan litigasi yang diperolehi oleh penuntut daripada Orang Yang Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan boleh diperolehi semula di Malaysia.

FASAL PEMOTONGAN

Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap pemotongan yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk mana-mana satu kejadian.

Pengecualian

Tanggungan Kerugian yang dinyatakan dalam Seksyen ini tidak berkenaan dengan atau termasuk:

1. Liabiliti yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan menerusi persetujuan melainkan liabiliti tersebut sepatutnya ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan tidak kira sama ada perjanjian tersebut wujud atau tidak.
2. Liabiliti berhubung dengan kecederaan kepada mana-mana orang yang semasa mengalami kecederaan tersebut ialah ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan atau terlibat dalam perkhidmatan Orang Yang Diinsuranskan atau untuk pampasan yang dituntut daripada Orang Yang Diinsuranskan oleh orang yang tercedera atau tanggungannya di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja atau mana-mana undang-undang berkaitan dengan kecederaan akibat pekerjaan.
3. Liabiliti berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada harta benda:
 - (a) dimiliki atau dijaga oleh atau di bawah kawalan Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana kakitangan atau ejen Orang Yang Diinsuranskan.
 - (b) sebagai sebahagian daripada mana-mana barang atau tanah atau bangunan atau struktur yang sedang atau telah dikerjakan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau ejen Orang Yang Diinsuranskan.
 - (c) disebabkan oleh atau menerusi atau berhubung dengan kepecahan mana-mana alat penjimat yang digunakan bersama dandang stim atau sebarang bekas dandang atau sebarang alat lain dengan tujuan dikendalikan di bawah tekanan dalaman menerusi stim dan dimiliki atau dijaga oleh atau di bawah kawalan Orang Yang Diinsuranskan.
4. Liabiliti berhubung dengan kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh berkaitan dengan atau timbul daripada:
 - (a) pemilihan atau pegangan atau penggunaan oleh atau bagi Orang Yang Diinsuranskan apa-apa binatang, basikal, kenderaan, lokomotif, kapal atau sebarang bentuk pesawat, lif, elevator, tangga bergerak, kren, alat pengangkat atau sebarang mesin pengangkat yang tidak dinyatakan secara khusus di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk Loji.
 - (b) Kerja yang sedang dijalankan atau telah dijalankan oleh Orang Yang Diinsuranskan terhadap mana-mana kapal air atau sesuatu yang dibuat untuk atau dengan tujuan untuk terapung di air atau bergerak melalui air atau angkasa.
 - (c) kebakaran, gempa bumi, letupan, banjir, wasap atau pencemaran air.
 - (d) pemasangan kebersihan yang rosak.
 - (e) harta benda, barangan, makanan atau minuman atau bekasnya yang dijual, dibekalkan atau dibina, atau harta benda atau barangan yang telah dibaiki, diubah suai, diservis atau dipasang dan tidak lagi berada dalam pegangan atau kawalan Orang Yang Diinsuranskan atau sebarang bentuk keracunan atau pencemaran.
 - (f) kesilapan atau ketinggalan dalam spesifikasi reka bentuk atau nasihat, rawatan pemulihan atau rawatan lain yang diberikan atau disediakan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau oleh mana-mana orang yang bertindak bagi Orang Yang Diinsuranskan tetapi perkataan

- nasihat, rawatan pemulihan atau rawatan lain tidak diguna pakai berhubung dengan mana-mana kakitangan Orang Yang Diinsuranskan yang bertindak sebagai Jururawat Perindustrian atau bagi Orang Yang Diinsuranskan.
- (g) perlanggaran kewajipan profesional disebabkan oleh sebarang perbuatan, kesilapan atau ketinggalan pada bila-bila masa dan di mana sahaja ia dilakukan atau didakwa dilakukan.
5. Liabiliti berhubung dengan atau timbul daripada kerosakan kepada mana-mana tanah, harta benda atau bangunan yang disebabkan oleh gegaran atau penyingkiran atau kelemahan sokongannya.
 6. Liabiliti bagi apa-apa kesan sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada Peperangan, Serangan, Tindakan Musuh Asing (semasa Peperangan Diisytiharkan atau Tidak), Perang Saudara, Pemberontakan, Kekacauan Awam, Kuasa Tentera atau Rampasan Kuasa dan sekiranya terdapat tuntutan di bawah ini, Orang Yang Diinsuranskan apabila dikehendaki oleh Syarikat, perlu membuktikan bahawa tuntutan timbul bebas daripada dan tidak dalam apa jua cara sekali pun dikaitkan dengan atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau berpunca daripada mana-mana kejadian berikut atau sebarang kesan daripadanya dan tanpa bukti tersebut, Syarikat tidak bertanggungjawab membuat bayaran bagi tuntutan tersebut.
 7. Sebarang bentuk liabiliti akibat daripada atau timbul daripada sebarang kerugian turutan:-
 - (a) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk proses pembelahan nuklear swakekal.
 - (b) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
 8. Sebarang bentuk liabiliti bagi:
 - (a) kecederaan peribadi atau kecederaan badan atau kehilangan, kerosakan kepada atau kehilangan penggunaan harta benda secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh ketirisan, pencemaran dan kontaminasi.
 - (b) kos membuang, melupuskan atau membersihkan ketirisan, pencemaran atau kontaminasi tersebut.
 - (c) denda, penalti, pampasan punitif atau teladan.
 9. Liabiliti berhubung dengan sebarang tuntutan atau kerugian yang timbul daripada apa-apa aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau diurus niaga menerusi Internet, Intranet, Ekstranet dan/atau menerusi Laman Web, Tapak Internet, Alamat Web sendiri Orang Yang Diinsuranskan dan/atau menerusi penghantaran mel elektronik atau dokumen menerusi kaedah elektronik.
 10. Liabiliti berhubung dengan Kecederaan Badan, Kecederaan Peribadi atau Kerugian atau Kerosakan kepada Harta Benda yang timbul daripada produk berasaskan lateks (getah), termasuk tetapi tidak terhad kepada sarung tangan pemeriksaan, sarung tangan pembedahan, kateter belon yang mungkin menyebabkan tuntutan alergi (alahan) lateks termasuk dermatitis sentuhan perengsa atau alahan dan tindak balas alahan kepada protein atau alergen lateks. Protein dan alergen lateks hendaklah dianggap sebagai Bahan Pencemar jika dibebaskan atau disebarkan di dalam premis penjagaan kesihatan dan sebarang tuntutan tersebut juga akan dikecualikan.
 11. Semua liabiliti yang timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung akibat daripada atau kesan daripada, atau dalam apa jua cara melibatkan:
 - (a) asbestos, atau
 - (b) sebarang kecederaan sebenar atau didakwa berkaitan asbestos atau sebarang kerosakan yang melibatkan penggunaan, kewujudan, pengesanan, pembuangan, penyingkiran atau pengelakan asbestos atau potensi pendedahan kepada asbestos.
 12. Liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berhubung dengan medan magnet, elektrik atau elektromagnet atau radiasi atau tindak balasnya dalam bentuk gelombang elektromagnet, walau bagaimana ia berlaku atau dihasilkan atau kemerosotan nilai harta benda.
 13. Sebarang bentuk atau jenis kerugian turutan.

Syarat-syarat

1. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan notis kepada Syarikat tentang sebarang kemalangan atau tuntutan atau prosiding serta-merta selepas perkara tersebut telah diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakilnya.
2. Orang Yang Diinsuranskan, tanpa persetujuan bertulis Syarikat, hendaklah tidak menolak liabiliti, membincangkan atau membuat sebarang perakuan, tawaran, janji atau pembayaran berhubung dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan dan Syarikat berhak, sekiranya mahu, mengambil alih pelaksanaannya atas nama Orang Yang Diinsuranskan dan mempertahankan sebarang tuntutan atau mendakwa atas nama Orang Yang Diinsuranskan atas perbelanjaannya sendiri atau atas manfaat sendiri sebarang tuntutan bagi tanggungan kerugian atau ganti rugi atau selainnya terhadap mana-mana orang dan mempunyai budi bicara penuh dalam pelaksanaan mana-mana prosiding dan dalam penyelesaian sebarang tuntutan dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan segala maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
3. Sekiranya dikehendaki, Syarikat boleh pada bila-bila masa atau pada mana-mana peringkat prosiding menjelaskan liabilitinya di bawah ini dengan membayar kepada Orang Yang Diinsuranskan Had Liabiliti berhubung dengan mana-mana satu kemalangan atau baki Had Liabiliti tersebut jika sebarang pembayaran telah dibuat berhubung dengan apa-apa tuntutan yang timbul daripada kemalangan dan apabila berbuat demikian, Syarikat tidak lagi mengendalikan dan mengawal rundingan, tindakan atau prosiding berhubung dengan tuntutan dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos atau perbelanjaan berhubung dengannya selepas tarikh pembayaran di atas atau bagi sebarang kerugian yang didakwa berlaku oleh Orang Yang Diinsuranskan disebabkan oleh Syarikat bertindak seperti yang dinyatakan di dalam ini.
4. Jika pada bila-bila masa sebarang tuntutan timbul di bawah Seksyen ini terdapat insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagiannya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi jumlah yang lebih daripada bahagian sekadarnya.
5. Jika pada bila-bila masa atau dari masa ke masa sebarang perubahan ketara berlaku yang mengubah apa-apa fakta yang wujud pada tarikh cadangan, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari memberikan notis kepada Syarikat dan membayar premium tambahan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
6. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah munasabah untuk memastikan bahawa hanya kakitangan yang mantap, waras dan berwibawa diambil dan bahawa semua bangunan, kerja jalan, loji, jentera, perabot, dan kelengkapan adalah mencukupi dan teguh dan dalam keadaan sewajarnya dan sesuai untuk tujuan penggunaannya dan bahawa semua keperluan berkanun dan semua undang-undang kecil dan peraturan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam dipenuhi dan dipatuhi sepenuhnya. Selepas sebarang kerosakan dibawa kepada perhatiannya, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah serta-merta membetulkannya dan mengambil langkah berjaga-jaga sementara untuk mengelakkan kemalangan seperti yang diperlukan mengikut keadaan tetapi sejauh mana yang mungkin tiada pemulihan atau pembaikan hendaklah dibuat tanpa persetujuan Syarikat selepas apa-apa kejadian yang diinsuranskan di bawah Seksyen ini sehingga

Syarikat telah berpeluang membuat pemeriksaan. Syarikat hendaklah pada setiap masa yang munasabah mempunyai akses bebas untuk memeriksa mana-mana harta benda. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau bahaya yang jelas kepada pemeriksa Syarikat, maka Syarikat boleh memberikan notis secara bertulis kepada Orang Yang Diinsuranskan dan selepas itu semua liabiliti Syarikat berhubung dengannya atau timbul daripadanya akan digantung sehingga ia dibetulkan atau dipulihkan atau dikeluarkan mengikut kepuasan Syarikat.

Lanjutan

Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di dalam Seksyen ini hendaklah dilanjutkan atau termasuk:

1. Memuat dan Memunggah

Liabiliti Undang-undang Orang Yang Diinsuranskan berhubung dengan sebarang kecederaan badan atau kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang disebabkan oleh atau timbul daripada menjangkau had sebarang jalan raya atau lebuh raya berkaitan dengan:

- (a) membawa muatan ke kenderaan tersebut untuk dimuatkan di atasnya, atau
- (b) mengambil muatan dari kenderaan tersebut selepas memunggah barang daripadanya oleh mana-mana orang selain daripada pemandu atau atendan kenderaan tersebut.

DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL BAHAWA liabiliti Syarikat di bawah Polisi dan Pengendorsan ini berhubung dengan sebarang kecederaan badan atau kehilangan atau kerosakan kepada harta benda hendaklah tidak dalam apa jua cara melebihi Had Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di dalam Polisi ini.

Juga dengan syarat dalam segala hal bahawa orang yang memuat dan memunggah tidak berhak untuk tanggungan kerugian di bawah Polisi atau sijil lain.

2. Kegiatan Sukan dan Kelab Sosial

Menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan terhadap liabiliti undang-undang seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi bagi kemalangan yang timbul daripada kegiatan sukan dan sosial yang dianjurkan oleh Orang Yang Diinsuranskan selain daripada liabiliti undang-undang yang timbul daripada Kenderaan Motor yang dimiliki, disewa atau dipandu oleh mana-mana orang yang digaji oleh Orang Yang Diinsuranskan.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat-syarat, pengecualian dan peruntukan Polisi.

3. Tanda dan Papan Tanda Neon

Liabiliti Orang Yang Diinsuranskan yang timbul akibat kemalangan yang disebabkan oleh atau menerusi pemasangan Tanda dan Papan Tanda Neon di hartanah Peserta.

Jaminan diberikan bahawa Orang Yang Diinsuranskan akan mematuhi semua enakmen undang-undang kecil dan peraturan berkanun dan hendaklah pada setiap masa memastikan tanda dan papan tanda neon yang disimpan di dalam keadaan yang baik dan jika terdapat kerosakan yang berlaku Orang Yang Diinsuranskan hendaklah serta-merta membaikinya dan buat sementara waktu mengambil langkah berjaga-jaga tambahan untuk mencegah kemalangan mengikut keadaan dan tiada perubahan kepada kedudukan tanda hendaklah dibuat tanpa kebenaran Syarikat.

Sejauh mana yang mungkin, tiada perubahan atau pembaikan hendaklah dibuat kepada Tanda dan Papan Tanda Neon tanpa persetujuan Syarikat selepas mana-mana kemalangan telah berlaku terhadapnya sehingga Syarikat telah berpeluang untuk memeriksanya.

DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL bahawa liabiliti Syarikat di bawah Polisi dan Pengendorsan ini berhubung dengan sebarang kecederaan badan atau kehilangan atau kerosakan kepada harta benda hendaklah tidak dalam apa jua cara melebihi Had Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di dalam Polisi.

4. Kemudahan Bantuan Kecemasan

Liabiliti Orang Yang Diinsuranskan yang timbul daripada penyediaan kemudahan alat bantuan kecemasan oleh Orang Yang Diinsuranskan tetapi mengecualikan sebarang kecuai, kesilapan atau ketinggalan atau pengabaian tugas mana-mana ahli profesional perubatan yang berkecualan atau mana-mana kakitangan atau pekerja sukarela di mana-mana hospital atau organisasi ambulans.

5. Kebakaran dan Letupan

Liabiliti berhubung dengan kecederaan badan, penyakit atau kerosakan harta benda seperti yang ditakrifkan yang disebabkan oleh kebakaran atau letupan (selain daripada letupan akibat kuasa tekanan stim dalaman daripada mana-mana dandang, bekas atau perkakas yang direka untuk dikendalikan di bawah tekanan stim)

6. Kerja Luar

Liabiliti Orang Yang Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan berhubung dengan kemalangan yang timbul daripada atau disebabkan penglibatan dan kerja-kerja sebenar yang dijalankan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau orang-orang yang berkhidmat bagi Orang Yang Diinsuranskan dalam urusan perniagaan di dalam Had Wilayah tetapi di luar premis yang ditakrifkan, adalah terhad kepada 10% daripada had Liabiliti yang dinyatakan di dalam jadual.

7. Loji dan Mesin

Liabiliti undang-undang bagi tuntutan berhubung dengan kecederaan badan atau kerosakan kepada harta benda yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana loji dan mesin di dalam kawalan fizikal atau sah Orang Yang Diinsuranskan atau digunakan dalam kerja yang dijalankan oleh atau bagi Orang Yang Diinsuranskan. Bagaimanapun, sekiranya loji dan mesin tersebut diinsuranskan secara khusus di bawah mana-mana Polisi lain bagi Insurans liabiliti pihak ketiga atau sebarang Insurans lain yang diperlukan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan loji dan mesin sedemikian, Syarikat tidak akan menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan atau dipanggil untuk menyumbang di bawah Polisi untuk sebarang liabiliti yang dikaitkan dengan penggunaan loji dan mesin tersebut.

8. Kerosakan Kemudahan Kebersihan

Liabiliti yang disebabkan secara langsung oleh kerosakan kemudahan kebersihan di dalam bahagian premis yang diduduki oleh Orang Yang Diinsuranskan.

DENGAN SYARAT bahawa paip kebersihan diperiksa secara berkala oleh seorang yang mahir.

Tertakluk selainnya kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini.

Seksyen 7 : Liabiliti Majikan

Maka Seksyen ini Memperakui bahawa jika mana-mana orang di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan akibat kemalangan atau penyakit yang berlaku dalam Tempoh Insurans dan timbul daripada dan semasa bekerja dengan Orang Yang Diinsuranskan dalam Perniagaan.

Syarikat tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini atau diendoskan padanya, akan menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan terhadap liabiliti di bawah undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan perbelanjaan pihak penuntut berhubung dengan kecederaan tersebut dan akan sebagai tambahan membayar semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan persetujuan bertulisnya.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, Syarikat juga akan menanggung kerugian wakil peribadi sah Orang Yang Diinsuranskan menurut terma Polisi berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat wakil peribadi sah tersebut, seolah-olah merupakan Orang Yang Diinsuranskan, mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada terma Polisi ini setakat yang berkenaan.

LIABILITI UNDANG-UNDANG AM (sehingga RM1,000,000.00)

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang menyatakan sebaliknya di dalam Polisi ini, Had Tanggungan Kerugian bagi liabiliti Orang Yang Diinsuranskan di bawah Undang-Undang Am adalah terhad kepada jumlah Ringgit Malaysia Sejuta (sehingga RM1,000,000.00) hanya berhubung dengan mana-mana satu tuntutan atau siri tuntutan yang timbul daripada satu kejadian.

KAWASAN GEOGRAFI

Malaysia, Singapura dan Brunei

FASAL BIDANG KUASA

Tanggungan Kerugian yang dinyatakan di dalam Polisi ini tidak diguna pakai bagi atau termasuk:

- (a) pampasan bagi kerosakan berhubung dengan keputusan yang tidak dibuat buat kali pertama atau diperolehi daripada Mahkamah dengan bidang kuasa sah di Malaysia.
- (b) kos dan perbelanjaan litigasi yang diperolehi oleh penuntut daripada Orang Yang Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan boleh diperolehi semula di Malaysia.

Pengecualian

Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap perkara berhubung dengan:

1. Liabiliti Orang Yang Diinsuranskan kepada kakitangan kontraktor Orang Yang Diinsuranskan.
2. Sebarang liabiliti Orang Yang Diinsuranskan yang ditanggung menerusi sesuatu perjanjian tetapi yang tidak sepatutnya ditanggung tanpa perjanjian tersebut.
3. Sebarang jumlah di mana Orang Yang Diinsuranskan layak untuk menerima daripada mana-mana pihak melainkan terdapat perjanjian antara Orang Yang Diinsuranskan dan pihak tersebut.
4. Sebarang kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang dialami di luar Kawasan Geografi.
5. Sebarang liabiliti Orang Yang Diinsuranskan untuk membayar pampasan kepada kakitangan atau wakil peribadi sah atau tanggungan kakitangan oleh sebab mana-mana undang-undang pampasan pekerja.
6. Sebarang kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang dianggap disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, pemberontakan, revolusi, kebangkitan atau kuasa tentera atau rampasan kuasa.
7. Sebarang liabiliti yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh atau timbul daripada:
 - (a) bahan senjata nuklear
 - (b) radiasi pengionan atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear swakekal.
8. Liabiliti berhubung dengan sebarang tuntutan atau kerugian yang timbul daripada apa-apa aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau diurus niaga menerusi Internet, Intranet, Ekstranet dan/atau menerusi Laman Web, Tapak Internet, Alamat Web sendiri Orang Yang Diinsuranskan dan/atau menerusi penghantaran mel elektronik atau dokumen menerusi kaedah elektronik.
9. Liabiliti berhubung dengan Kecederaan Badan, Kecederaan Peribadi atau Kerugian atau Kerosakan kepada Harta Benda yang timbul daripada produk berasaskan lateks (getah), termasuk tetapi tidak terhad kepada sarung tangan pemeriksaan, sarung tangan pembedahan, kateter belon yang mungkin menyebabkan tuntutan alergi (alahan) lateks termasuk dermatitis sentuhan perengsa atau alahan dan tindak balas alahan kepada protein atau alergen lateks. Protein dan alergen lateks hendaklah dianggap sebagai Bahan Pencemar jika dibebaskan atau disebarkan di dalam premis penjagaan kesihatan dan sebarang tuntutan tersebut juga akan dikecualikan.
10. Semua liabiliti yang timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung akibat daripada atau kesan daripada, atau dalam apa jua cara melibatkan:
 - (a) asbestos, atau
 - (b) sebarang kecederaan sebenar atau didakwa berkaitan asbestos atau sebarang kerosakan yang melibatkan penggunaan, kewujudan, pengesanan, pembuangan, penyingkiran atau pengelakan asbestos atau potensi pendedahan kepada asbestos.
11. Liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berhubung dengan medan magnet, elektrik atau elektromagnet atau radiasi atau tindak balasnya dalam bentuk gelombang elektromagnet, walau bagaimana ia berlaku atau dihasilkan atau kemerosotan nilai harta benda.

Syarat-syarat

Seksyen ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang maksud khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Seksyen ini atau Jadual hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.

1. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan penyakit dan mematuhi kewajipan berkanun.
2. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah Seksyen ini, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah secepat mungkin memberikan notis tentangnya kepada Syarikat dengan butiran penuh. Setiap surat, tuntutan, writ saman dan proses hendaklah dimaklumkan atau dihantar kepada Syarikat serta-merta selepas diterima. Notis juga hendaklah diberikan kepada Syarikat serta-merta selepas Orang Yang Diinsuranskan maklum tentang sebarang pendakwaan, inkues atau kecederaan membawa maut yang mungkin berlaku berkaitan dengan mana-mana kejadian tersebut.
3. Tiada pengakuan, selepas janji atau pembayaran hendaklah dibuat oleh atau bagi Orang Yang Diinsuranskan tanpa kebenaran bertulis Syarikat, yang berhak sekiranya dikehendakinya untuk mengambil alih dan mengendalikan atas namanya pertahanan atau penyelesaian sebarang tuntutan atau mendakwa atas namanya untuk manfaatnya sendiri sebarang tuntutan bagi tanggungan kerugian atau ganti rugi atau selainnya dan mempunyai budi bicara penuh dalam melaksanakan prosiding dan untuk menyelesaikan sebarang tuntutan dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
4. Jika pada bila-bila masa sebarang tuntutan timbul di bawah Seksyen ini terdapat sebarang insurans lain yang melindungi liabiliti yang sama, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian sekadar tuntutan sedemikian dan kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya.
5. Premium pertama dan semua premium pembaharuan yang boleh diterima ditentukan oleh jumlah upah dan gaji dan pendapatan lain yang dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan kepada kakitangan dalam setiap Tempoh Insurans. Nama setiap kakitangan bersama jumlah upah, gaji dan pendapatan lain hendaklah dicatatkan dengan sewajarnya dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa rekod tersebut dan memberi Syarikat keterangan betul upah, gaji dan pendapatan lain yang dibayar dalam Tempoh Insurans dalam masa satu (1) bulan dari tarikh luput Tempoh Insurans tersebut. Jika jumlah yang dibayar berbeza daripada jumlah premium dibayar baginya, perbezaan premium diselesaikan menerusi pembayaran sekadar kepada Syarikat atau pemulangan oleh Syarikat, mengikut keadaan.

SYARAT-SYARAT AM YANG DIKENAKAN KE ATAS SEKSYEN – WANG, KECURIAN, SEMUA RISIKO PERALATAN POLISI INI

Polisi ini dan Jadual Polisi hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang maksud khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual Polisi hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.

1. Sejurus selepas berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan atau kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah:
 - (a) membuat laporan Polis dan memberikan semua bantuan yang sewajarnya untuk penemuan dan menyabit kesalahan mana-mana orang yang bersalah dan mengesan dan mendapatkan kembali harta benda.
 - (b) memberikan notis mengenainya kepada Syarikat secara bertulis dan dalam masa lima belas (15) hari selepas itu memberikan Syarikat satu tuntutan secara bertulis dan memberikan butiran khusus, bukti dan keterangan berdokumen atau selainnya untuk menyokong tuntutan tersebut seperti yang sewajarnya diperlukan oleh Syarikat dan butiran tentang semua insurans lain jika ada.

Orang Yang Diinsuranskan juga hendaklah pada setiap masa atas perbelanjaannya sendiri mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada Syarikat selanjutnya semua butiran, pelan, spesifikasi, buku, baucar, invois, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berhubung dengan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran tersebut dan keadaan bagaimana kerugian atau kerosakan itu berlaku, dan apa-apa perkara yang menyentuh liabiliti atau jumlah liabiliti Syarikat sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh atau bagi pihak Syarikat berserta dengan suatu perisytiharan secara bersumpah atau dalam bentuk perundangan tentang kebenaran tuntutan tersebut dan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.

Tiada tuntutan di bawah Polisi akan dibayar melainkan terma kepada syarat ini telah dipatuhi.

2. Jika pada masa berlakunya sebarang kehilangan atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini, terdapat sebarang bentuk insurans lain yang melindungi Harta Benda diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada yang diambil oleh Orang Yang Diinsuranskan atau tidak, maka Syarikat ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan tersebut, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan notis kepada Syarikat tentang semua insurans lain yang diambil oleh Orang Yang Diinsuranskan atau bagi Orang Yang Diinsuranskan yang melindungi Harta Benda yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, dan tiada bayaran dibuat oleh Syarikat sehingga notis tersebut telah diterima oleh Syarikat.

Setiap item Polisi ini hendaklah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.

3. Jika Harta Benda diinsuranskan pada masa apa-apa kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi secara bersama lebih tinggi nilainya daripada jumlah diinsuranskan terhadapnya, maka Orang Yang Diinsuranskan dianggap sebagai menjadi penanggung insurans sendiri bagi perbezaan dan akan menanggung bahagian sekadar kerugian dengan sewajarnya. Setiap item Polisi ini tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.
(Diguna pakai bagi item yang diinsuranskan atas dasar Nilai Penuh)
4. Sejurus selepas berlaku kerugian atau kerosakan kepada Harta Benda Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam jadual Polisi, Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan dan Jumlah Diinsuranskan bagi pelbagai jenis harta benda yang telah hilang atau rosak hendaklah dikurangkan sebanyak jumlah kerugian atau kerosakan yang telah berlaku dalam Tempoh Insurans semasa melainkan Syarikat, selepas pembayaran Premium tambahan, bersetuju untuk mengembalikan semula Jumlah Diinsuranskan penuh.
5. Dalam apa jua hal Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan selepas tamatnya dua belas (12) bulan dari berlakunya kerugian atau kerosakan kecuali tuntutan tersebut adalah merupakan suatu tindakan atau penimbangtaraan yang belum selesai.

SYARAT-SYARAT AM YANG DIKENAKAN KE ATAS SEKSYEN – KECURIAN, PERALATAN SEMUA RISIKO, WANG, JAMINAN KESETIAAN, KEMALANGAN DIRI KUMPULAN, LIABILITI AWAM DAN LIABILITI MAJIKAN POLISI INI.

Polisi ini dan Jadual Polisi hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang maksud khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual Polisi hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.

1. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menunaikan dan mematuhi Terma, Syarat-Syarat dan Pengendorsan Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Yang Diinsuranskan sebelum Syarikat menanggung sebarang liabiliti untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini
2. Semua notis yang perlu diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan kepada Syarikat mesti dibuat secara bertulis kepada Syarikat dan notis atau pengetahuan tentang apa-apa yang berkaitan dengan Polisi ini atau sebarang tuntutan di bawah ini hendaklah tidak dianggap sebagai notis kepada atau dalam pengetahuan Syarikat melainkan ia telah diberikan dan tiada pindaan dalam terma Polisi ini, atau sebarang pengendorsan padanya akan dianggap sah melainkan nama ditandatangani atau diparap oleh wakil sah Syarikat.
3. Insurans ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Orang Yang Diinsuranskan, dalam hal ini Syarikat akan mengenakan kadar jangka pendek yang biasa bagi tempoh polisi tersebut telah berkuat kuasa. Insurans ini juga boleh ditamatkan atas pilihan Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari secara bertulis dengan alasan yang sah melalui surat berdaftar kepada Orang Yang Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir yang diketahui, dalam hal ini Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik apabila dituntut suatu perkadaran setimpal premium bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Jumlah yang akan dikembalikan atas penamatan polisi hendaklah tertakluk kepada premium minimum yang akan dikenakan oleh Syarikat.
4. Syarikat boleh pada setiap masa yang munasabah, untuk tujuan penyiasatan atau pemeriksaan oleh pegawai dan ejen sah, memasuki mana-mana Premis atau tempat di mana Insurans ini berkuat kuasa, atau yang mana kecederaan, penyakit, kehilangan atau kerosakan telah berlaku dan boleh terus memegangnya untuk tempoh yang munasabah untuk tujuan penyiasatan atau pemeriksaan sedemikian dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan semua kemudahan yang diperlukan berhubung dengannya.
5. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, mengambil segala langkah berjaga-jaga yang patut dan wajar untuk tujuan keselamatan dan perlindungan harta benda yang diinsuranskan dan/atau mematuhi semua cadangan munasabah Syarikat untuk mencegah kehilangan, kerosakan, liabiliti dan/atau kemalangan dan/atau melindungi keselamatan harta benda dan/atau wang yang diinsuranskan; dan/atau hendaklah mematuhi semua peraturan berkanun bagi keselamatan, penggunaan, penyimpanan dan penyenggaraan harta benda yang diinsuranskan seolah-olah ia tidak diinsuranskan dan/atau mengambil segala usaha wajar dan langkah teliti dalam pemilihan dan penyediaan kakitangan dan/atau memastikan bahawa pintu dan sebarang kaedah masuk adalah terlindung dan/atau tidak melakukan, membiarkan, membenarkan apa-apa perkara yang meningkatkan risiko Syarikat.
6. Tiada apa yang terkandung di dalam ini yang memberikan kepada mana-mana pihak lain selain daripada Orang Yang Diinsuranskan apa-apa hak terhadap Syarikat dan Syarikat tidak terikat kepada penyerahan kepentingan Orang Yang Diinsuranskan melainkan menerusi kematian, kecuali dan sehingga Syarikat memperakui bahawa insurans akan diteruskan menerusi pengendorsan.

7. (a) **Bagi Kontrak Insurans Pengguna**

Apabila Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) iaitu Orang Yang Diinsuranskan perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Orang Yang Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang diketahui Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Orang Yang Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

(b) **Bagi Kontrak Insurans Komersial**

Apabila Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang diketahui Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang diketahui sebagai berkenaan oleh seorang yang waras dalam keadaan tersebut, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan.

Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Orang Yang Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

8. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah, atas pembiayaan Syarikat, melakukan, dan bersetuju untuk melakukan, dan membenarkan supaya dilakukan, segala tindakan dan perkara berkenaan sebagaimana yang mungkin perlu atau secara yang berpatutan diperlukan oleh Syarikat bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak dan pembetulan, atau mendapatkan pelepasan atau tanggungan kerugian daripada pihak lain di mana Syarikat hendaklah atau akan berhak atau mengambil alih hak, apabila ia membayar bagi atau membuat bayaran bagi sebarang kerugian atau kerosakan di bawah Polisi ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas pembayaran ganti rugi kepadanya oleh Syarikat (tidak diguna pakai bagi Seksyen Liabiliti Majikan).
9. Semua pertikaian yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan pelantikan seorang Penimbang Tara, merujuk kepada keputusan dua Penimbang Tara yang setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak atau dalam kes di mana Penimbang Tara tidak mencapai persetujuan, merujuk kepada keputusan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum membuat rujukan. Pengadil akan duduk bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan Keputusan Penimbangtaraan adalah satu syarat sebelum tindakan boleh diambil ke atas

Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti terhadap Orang Yang Diinsuranskan bagi sebarang tuntutan di bawah ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk untuk penimbangtaraan dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan hendaklah dianggap telah digugurkan untuk segala tujuan dan tidak boleh diperoleh semula selepas itu di bawah ini.

10. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah membayar jumlah mana-mana Lebihan/Pemotongan yang ditunjukkan mengikut Seksyen masing-masing di dalam Jadual Polisi berhubung dengan setiap tuntutan yang dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan di bawah Polisi. Lebihan/Pemotongan perlu dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan pada masa yang ditetapkan oleh Syarikat.

11. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma, syarat-syarat dan pengecualian am dan/atau fasal/waranti/pengendorsan yang dinyatakan di dalam ini dan syarat-syarat, pengecualian, fasal, waranti atau pengendorsan khusus yang dinyatakan di bawah Seksyen perlindungan insurans khusus yang dinyatakan seterusnya di dalam ini, maka syarat-syarat, pengecualian, fasal, waranti atau pengendorsan khusus akan diguna pakai.

12. Polisi ini ditadbir oleh, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pertikaian berkaitan pentafsiran Polisi ini mesti diserahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

13. **Kewajipan Pendedahan**

Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang diketahui Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang diketahui sebagai berkenaan oleh seorang yang waras dalam keadaan tersebut, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan.

Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Orang Yang Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

14. **Pembayaran Premium**

Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa premium boleh dianggap sebagai bayaran kepada pihak Syarikat kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau ejen yang dilantik secara sah oleh pihak Syarikat telah diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan.

15. **Insurans Lain**

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat mengenai apa-apa Insurans yang telah berkuat kuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuatkuasakan, yang melindungi sebarang kerugian yang dengan ini diinsuranskan. Notis sedemikian hendaklah diberikan dan disahkan oleh Syarikat di dalam polisi ini sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan.

16. **Perlindungan Yang Dikecualikan**

Insurans ini tidak melindungi sebarang kerugian akibat daripada Kerosakan yang pada asalnya atau selanjutnya, adalah secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, disebabkan atau disumbangkan oleh mana-mana kejadian berikut, atau yang pada asalnya atau selanjutnya, secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana kejadian berikut iaitu:-

- (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi mirip peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, rusuhan, kekacauan awam, kebangkitan, pemberontakan, revolusi, konspirasi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan darurat atau mana-mana kejadian atau punca yang menyebabkan perisytiharan undang-undang tentera atau keadaan darurat.
- (b) kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau kesan daripada atau disumbangkan oleh bahan senjata nuklear.
- (c) kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau kesan daripada atau berlaku kerana radiasi pengionan atau pencemaran daripada keradioaktifan oleh apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
- (d) sebarang tindakan keganasan
Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermakna tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan serupa, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam, atau mana-mana kumpulan orang awam.

Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau selainnya) yang secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, berlaku kerana atau disumbangkan oleh atau timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana kejadian yang tersebut, dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak diinsuranskan oleh Insurans ini, melainkan setakat mana yang dapat dibuktikan oleh Orang Yang Diinsuranskan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah berlaku secara berasingan daripada keadaan luar biasa tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Syarikat mendakwa bahawa disebabkan peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak diinsuranskan oleh insurans ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian adalah diinsuranskan terletak pada Orang Yang Diinsuranskan.

17. **Perubahan Risiko**

Insurans di bawah Polisi ini akan tamat jika:-

- (a) Perniagaan digulung atau dikendalikan oleh Pembubar atau Penerima atau dihentikan secara kekal atau
- (b) kepentingan Orang Yang Diinsuranskan tamat selain daripada menerusi kematian atau
- (c) sebarang perubahan dibuat sama ada dalam Perniagaan atau dalam Premis atau harta benda di dalamnya di mana risiko Kerosakan meningkat, pada bila-bila masa selepas bermula insurans, melainkan penyambungannya diterima menerusi memorandum yang ditandatangani bagi pihak Syarikat.

18. **Peningkatan Risiko**

Notis hendaklah diberikan kepada Syarikat, dan jika perlu, premium tambahan dibayar, jika kadar premium yang perlu dibayar berhubung dengan insurans yang melindungi kepentingan Orang Yang Diinsuranskan dalam harta benda di Premis terhadap Kerosakan telah bertambah.

19. **Prosedur Tuntutan**

Apabila berlaku sebarang Kerosakan yang mengakibatkan tuntutan dibuat atau mungkin dibuat di bawah Polisi, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan notis tentangnya kepada Syarikat dan dengan usaha wajar melakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan untuk dilakukan semua perkara yang patut dilakukan untuk mengurangkan atau mengehadkan sebarang gangguan atau campur tangan terhadap Perniagaan atau untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian sekiranya tuntutan dibuat di bawah Polisi, tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas tamatnya Tempoh Tanggungan Kerugian atau dalam tempoh selanjutnya yang dibenarkan secara bertulis oleh Syarikat, atas perbelanjaannya sendiri menghantar kepada Syarikat kenyataan bertulis yang menerangkan butiran tuntutan tersebut bersama maklumat semua insurans lain (jika ada) yang melindungi Kerosakan atau mana-mana bahagian daripadanya atau sebarang bentuk kerugian turutan akibat daripadanya. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaannya sendiri menyediakan, memperolehi dan memberikan kepada Syarikat buku akaun dan buku perniagaan lain, baucar, invois, lembaran imbalan dan dokumen lain, bukti, maklumat, penjelasan dan bukti lain yang mungkin diperlukan oleh atau bagi pihak Syarikat untuk tujuan menyiasat atau menentusahkan tuntutan bersama perakuan bersumpah atau dalam bentuk lain yang sah di sisi undang-undang tentang kebenaran tuntutan dan sebarang hal berkaitan dengannya. Tiada tuntutan di bawah Polisi perlu dibayar melainkan terma bagi Syarikat ini telah dipatuhi dan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadapnya dalam apa jua cara, sebarang pembayaran ke atas tuntutan yang sudah dibuat hendaklah dikembalikan kepada Syarikat dengan serta-merta.

20. **Penipuan**

Jika tuntutan dibuat melibatkan penipuan dari mana-mana segi, atau jika sebarang perisytiharan palsu dibuat atau digunakan bagi menyokongnya, atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya bagi mendapatkan sebarang manfaat di bawah Polisi ini; atau, jika Kerosakan itu berlaku kerana tindakan sengaja, atau Orang Yang Diinsuranskan tidak ambil peduli; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau guaman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan sedemikian, atau (dalam kes membabitkan Penimbangtaraan mengikut Syarat ke-15 Polisi ini) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbangtara atau Wasit telah memberikan award mereka, segala manfaat di bawah Polisi ini hendaklah dilucut hak.

21. **Sumbangan**

Jika semasa berlaku sebarang kerugian di bawah Polisi ini, terdapat sebarang insurans lain yang masih berkuatkuasa, sama ada dikuatkuasakan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau oleh orang lain, yang melindungi kerugian tersebut atau mana-mana bahagiannya, Syarikat ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

22. **Subrogasi**

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah, atas pembiayaan Syarikat, melakukan, dan bersetuju untuk melakukan, dan membenarkan supaya dilakukan, segala tindakan dan perkara berkenaan sebagaimana yang mungkin perlu atau secara yang berpatutan diperlukan oleh Syarikat bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak dan pembetulan, atau mendapatkan pelepasan atau tanggungan kerugian daripada pihak lain di mana Syarikat hendaklah atau akan berhak atau mengambil alih hak, apabila ia membayar bagi atau membuat bayaran bagi sebarang kerugian atau kerosakan di bawah Polisi ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas pembayaran ganti rugi kepadanya oleh Syarikat.

23. **Penimbangtaraan**

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah apa-apa kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah bebas daripada semua persoalan lain dirujukkan kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan kalendar setelah menerima notis secara bertulis yang meminta satu perlantikan, pihak lagi satu bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal, dan sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk untuk keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, yang hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan pengengerus mesyuarat tersebut. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian seseorang Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu. Kos rujukan dan award hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award. Dengan ini dinyatakan secara khusus dan diperakui bahawa adalah menjadi syarat sebelum hak mengambil tindakan atau guaman ke atas Polisi ini bahawa award oleh Penimbang Tara Wasit mengenai jumlah kerugian atau kerosakan yang dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

24. **Had Masa**

Dalam apa jua keadaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan sebarang tuntutan di bawah Polisi ini selepas tamat tempoh:

- (a) satu (1) tahun dari akhir Tempoh Tanggungan Kerugian, atau jika lebih lewat,
- (b) tiga (3) bulan dari tarikh pembayaran dibuat atau liabiliti diterima oleh Penanggung Insurans yang melindungi Kerosakan yang menimbulkan tuntutan tersebut,

melainkan tuntutan tertakluk kepada tindakan atau penimbangtaraan yang sedang dilaksanakan.

27. **Maksud**

Polisi ini dan Jadual yang dilampirkan (yang membentuk sebahagian penting daripada Polisi ini) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang maksud khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Polisi atau Jadual Polisi hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.

28. **Notis**

Setiap notis dan komunikasi lain kepada Syarikat yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah dibuat secara bertulis atau bercetak.

PERLINDUNGAN PILIHAN

Seksyen B: Insurans Semua Risiko Peralatan Bagi Jentera & Peralatan Pegun untuk Kegunaan Perindustrian.

Maka Seksyen Ini Memperakui bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi di dalam ini atau dalam mana-mana Tempoh selanjutnya yang mana Syarikat menerima bayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Polisi, Harta Benda atau mana-mana bahagiannya hilang atau rosak oleh mana-mana Kejadian Luar Jangka semasa di Tempatnya, maka Syarikat akan menerusi pembayaran atau atas pilihannya, melalui pemulihan atau pembaikan, menanggung kerugian Orang Yang Diinsuranskan terhadap kehilangan atau kerosakan tersebut.

Pengecualian

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi:

1. Kecurian melainkan disertai dengan keganasan atau ancaman kepada orang atau pecah masuk menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam atau keluar daripada premis.
2. Sebarang bentuk kerugian turutan atau liabiliti undang-undang.
3. Kehilangan atau kerosakan kepada rakaman, filem atau pita selain daripada menerusi kebakaran atau kecurian (dan hanya untuk nilai sebagai bahan yang tidak digunakan).
4. (a) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan pendam atau mekanikal, kerosakan mekanikal, kegagalan mekanikal atau elektrik, kepecahan, susut nilai, keadaan atmosfera atau sebarang sebab lain yang berlaku secara beransur-ansur,
(b) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal atau elektrik atau kelusuhan dan kehausan,
(c) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kelebihan muatan atau ketegangan,
(d) kehilangan atau kerosakan yang timbul akibat karat, kulapuk, rama-rama, binatang perosak atau berhubung dengan sebarang proses pembersihan, pewarnaan, pembaikan, pemulihan, pengubahsuaian atau pemunggalan.
5. Kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada penahanan, rampasan, kemusnahan atau pengambilan oleh Pihak Kastam atau Pegawai atau Pihak Berkuasa lain menerusi rampasan atau jualan di bawah sebarang proses Undang-undang atau tindakan meninggalkan Harta Benda tersebut.
6. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh, berlaku kerana, disumbangkan oleh atau berpunca atau timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana daripada kejadian berikut iaitu
 - (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara
 - (b) dahagi, mogok, rusuhan dan kekacauan awam, kebangkitan tentera atau awam, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan darurat yang disebabkan oleh mana-mana kejadian atau punca yang menentukan perisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan darurat.
 - (c) Sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau aktiviti yang bertujuan menjatuhkan Kerajaan de jure atau de facto menggunakan kekerasan atau mempengaruhinya menggunakan keganasan atau kekerasan atau kecurian, rampasan atau penjarahan berhubung dengan mana-mana kejadian yang disebutkan di atas.
 - (d) kelewatan, rampasan, penyitaan atau penahanan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan atau menerusi kesan langsung atau tidak langsung mana-mana kejadian yang tersebut dan sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kehilangan atau kerosakan berlaku bebas daripada dan dalam apa jua cara tidak berkaitan dengan atau disumbangkan oleh atau berpunca daripada mana-mana kejadian atau kesan daripadanya dan tanpa bukti tersebut Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran bagi tuntutan sedemikian.
 - (e) Sebarang tindakan keganasan.
7. (a) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau kesan daripada atau timbul daripada atau disumbangkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear swakekal.
(b) kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.

Syarat-syarat

1. Syarikat boleh pada bila-bila masa atas perbelanjaannya sendiri menggunakan semua cara sah di bawah undang-undang atas nama Orang Yang Diinsuranskan untuk memperolehi semula mana-mana harta benda yang hilang dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan segala bantuan yang sewajarnya untuk tujuan tersebut. Syarikat mempunyai hak ke atas mana-mana Harta Benda yang tuntutan kehilangannya telah dibayar di bawah ini dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah melaksanakan semua penyerahan hak dan memberikan jaminan yang mungkin sewajarnya diperlukan bagi harta benda tersebut tetapi Orang Yang Diinsuranskan tidak berhak untuk meninggalkan sebarang Harta Benda kepada Syarikat.
2. Jika tuntutan dibuat atau dilakukan bagi Orang Yang Diinsuranskan yang didapati tidak benar atau melibatkan penipuan atau sengaja dibesar-besarkan atau sebarang perakuan palsu dibuat untuk menyokongnya atau jika sebarang kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi tindakan sengaja atau dengan pengetahuan dan kerjasama secara senyap Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana orang yang bertindak bagi Orang Yang Diinsuranskan atau tindakan tidak jujur mana-mana orang yang diamanahkan Peralatan ini, tiada tuntutan akan dibayar di bawah Polisi ini.

Fasal

1. Fasal Penaksiran

Jika tuntutan keseluruhan bagi mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000 atau 5% daripada jumlah diinsuranskan yang mana lebih rendah berasaskan item yang terbabit, tiada inventori atau penaksiran khas bagi harta benda yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih bangunan dimasukkan dalam satu item tunggal, Memorandum ini diguna pakai bagi rangkaian bangunan dan/atau kandungan mengikut item yang terbabit.

2. Fasal Pemindahan Dalam

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta benda dari satu bangunan ke bangunan lain di mana-mana satu tempat tersebut yang secara tidak sengaja tidak dimaklumkan kepada Syarikat, Insurans terhadap harta benda sedemikian akan mengikut pemindahan tersebut, dengan pelarasan yang diperlukan bagi Jumlah Diinsuranskan dan premium dibuat dari tarikh pemindahan atau sejurus selepas kelalaian tersebut disedari.

3. Fasal Penetapan

Untuk tujuan menentukan tajuk yang sesuai di mana harta benda diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan bersetuju untuk menerima penetapan di mana harta benda tersebut telah dimasukkan di dalam buku Orang Yang Diinsuranskan.

4. Fasal Pengubahsuaian dan Pembaikan

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa para pekerja dibenarkan berada di atau di sekitar harta benda Orang Yang Diinsuranskan untuk menjalankan pengubahsuaian dan pembaikan dengan syarat perniagaan, pembuatan, jenis pekerjaan dan/atau binaan bangunan tidak berubah.

YANG DIKENAKAN KE ATAS SEKSYEN – KECURIAN, PERALATAN SEMUA RISIKO, WANG DAN JAMINAN KESELAMATAN

Fasal Jenayah Pecah Amanah

Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan jenayah pecah amanah oleh/atau mana-mana orang dalam erti definisi kesalahan jenayah pecah Amanah yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan.

Jenayah Pecah Amanah seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

"Siapa pun, dengan cara apa pun yang diamanahkan dengan harta atau dengan apa-apa kekuasaan atas harta benda, dengan jujurnya menyalahgunakan atau mengubah penggunaannya sendiri, atau menggunakan atau melepaskan secara tidak jujur bahawa harta itu melanggar mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan cara kepercayaan itu hendak dilepaskan, atau mana-mana kontrak undang-undang, nyata atau tersirat, yang dia telah menyentuh pelepasan amanah itu, atau dengan sengaja menderita mana-mana orang lain supaya melakukan, melakukan " jenayah pecah amanah "

Fasal Kecurian dengan Penipuan

Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan penipuan oleh/atau mana-mana pihak dalam erti definisi kesalahan penipuan yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan.

Penipuan" seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

"Siapa pun, dengan menipu sesiapa, secara salahlaku atau tidak jujur yang mendorong orang tersebut tertipu untuk menyampaikan apa-apa harta atau dengan sengaja mendorong orang tersebut tertipu untuk melakukan atau meninggalkan apa-apa yang dia akan tidak lakukan atau mengosongkan jika dia tidak tertipu, dan yang bertindak atau peninggalan yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau kemudaratan kepada orang tersebut dalam badan, minda, reputasi atau harta, dikatakan sebagai "menipu".

YANG DIKENAKAN KE ATAS SEMUA SEKSYEN

Waranti Premium

Dengan ini menjadi syarat khas asas dan mutlak kontrak ini bahawa premium yang kena bayar mesti dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi ini/pengendorsan/polisi pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans mempunyai hak ke atas premium prorata bagi tempoh mereka menanggung risiko.

Apabila premium yang dibayar menurut waranti ini diterima oleh ejen sah penanggung insurans, premium hendaklah dianggap diterima oleh penanggung insurans untuk tujuan waranti dan tanggungjawab untuk membuktikan premium yang telah dibuat diterima oleh seseorang termasuk ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut, terletak pada penanggung insurans.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat-syarat polisi ini.

Fasal Pengecualian Sekatan

Tidak tertakluk mana-mana terma lain di bawah perjanjian ini, tiada syarikat insurans dianggap telah memberi perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberi apa-apa perkhidmatan atau faedah kepada mana-mana Yang Diinsuranskan atau pihak lain sehingga perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, faedah dan/atau sebarang perniagaan atau aktiviti Yang Diinsuranskan akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.

Peruntukan Cukai

Semua premium dan yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini mungkin dikenakan Cukai. Jika dikenakan, Cukai akan dinyatakan dalam invois dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Orang Yang Diinsuranskan selain daripada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai bermaksud sebarang levi atau duti cukai masa kini atau masa depan, langsung atau tidak langsung, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai yang serupa yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

Penyakit Berjangkit

- (a) Polisi ini, tertakluk kepada semua terma, syarat dan Pengecualian yang berlaku, merangkumi kerugian yang disebabkan oleh kerugian fizikal langsung atau kerosakan fizikal yang berlaku dalam tempoh insurans. Akibatnya dan walaupun terdapat peruntukan lain dari Polisi ini yang bertentangan, Polisi ini tidak menjamin kerugian, kerosakan, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, disebabkan atau berlaku serentak atau dalam urutan apa pun dengan Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenarnya atau yang dirasakan) Penyakit Berjangkit.
- (b) Untuk tujuan sokongan ini, kerugian, kerosakan, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang kos untuk membersihkan, menyah toksin, membuang, memantau atau menguji:
 - b.1 untuk Penyakit Berjangkit, atau
 - b.2 sebarang harta anda di bawah ini yang terjejas oleh Penyakit Berjangkit tersebut
- (c) Seperti yang digunakan di sini, Penyakit Berjangkit bermaksud penyakit yang boleh ditularkan melalui apa-apa bahan atau agen dari mana-mana organisma ke organisma lain di mana:
 - c.1 bahan ejen merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasinya, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - c.2 kaedah penghantaran, sama ada langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penghantaran melalui udara, penghantaran cecair badan, penghantaran dari atau ke permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - c.3 penyakit, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam untuk merosakkan kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta anda di bawah ini.
- (d) Pengendorsan ini digunakan untuk semua peluasan liputan, perlindungan tambahan, Pengecualian kepada mana-mana Pengecualian dan pemberian liputan lain.

Semua terma, syarat dan pengecualian Polisi yang lain tetap sama.

Harta Siber dan Data

- (a) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam Polisi ini atau apa-apa pengendorsan dengannya Polisi ini tidak termasuk mana-mana:
 - a.1 Kerugian siber, kecuali tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan (b);
 - a.2 Kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos, perbelanjaan apa pun yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, disumbangkan oleh, disebabkan oleh, timbul dari atau berkaitan dengan kehilangan penggunaan, pengurangan fungsi, pembaikan, penggantian, pemulihan atau pengeluaran semula Data apa pun, termasuk jumlah yang berkaitan dengan nilai Data tersebut, melainkan tertakluk kepada peruntukan perenggan (c);Tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana dengannya urutan.
- (b) Tertakluk kepada semua terma, syarat, had dan Pengecualian Polisi ini atau apa-apa dengannya pengendorsan, ini meliputi Dasar kerugian fizikal atau kerosakan fizikal ke atas harta anda di bawah Polisi ini disebabkan oleh apa-apa kebakaran atau letupan berikutnya yang secara langsung berpunca daripada Insiden Siber, kecuali bahawa Insiden Siber disebabkan oleh, antaranya disebabkan oleh, akibat daripada, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Akta Siber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membentasi atau memperbaiki mana-mana Akta Siber.

- (c) Tertakluk kepada semua terma, syarat, had dan Pengecualian Polisi ini atau sokongannya, sekiranya Media Pemprosesan Data yang dimiliki atau dikendalikan oleh Tertanggung mengalami kerugian fizikal atau kerosakan fizikal anda oleh Polisi ini, maka Polisi ini akan menanggung kos untuk membaiki atau mengganti Media Pemprosesan Data itu sendiri ditambah dengan kos menyalin Data dari sandaran atau dari asal generasi sebelumnya. Kos ini tidak akan merangkumi penyelidikan dan kejuruteraan dan juga kos untuk mengumpulkan atau memasang Data. Sekiranya media tersebut tidak diperbaiki, diganti atau dipulihkan, maka asas penilaian adalah kos Media Pemprosesan Data kosong. Walau bagaimanapun, Polisi ini tidak termasuk apa-apa amaun yang berkaitan dengan nilai seperti Data, kepada Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain, walaupun apa-apa Data tidak boleh dicipta semula, dikumpulkan, atau dipasang.
- (d) Sekiranya mana-mana bahagian pengendorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bakinya hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
- (e) Sekiranya mana-mana bahagian pengendorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bakinya hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

Definisi

- (f) Kehilangan Siber bermaksud kerugian, kerosakan, tanggungjawab, tuntutan, kos atau perbelanjaan apa pun yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, disumbangkan oleh, yang disebabkan oleh, timbul dari atau berkaitan dengan apa-apa Akta Siber atau Insiden Siber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, menekan atau membetulkan apa-apa Akta Siber atau Kejadian Siber.
- (g) Akta Siber bermaksud tindakan tidak sah, berniat jahat atau jenayah atau siri tindakan tidak sah, berniat jahat atau jenayah yang berkaitan, tidak kira masa dan tempat, atau ancaman atau tipuan yang melibatkan akses, pemprosesan, penggunaan atau pengoperasian mana-mana Sistem Komputer.
- (h) Kejadian Siber bermaksud:
 - h.1 Segala kesalahan atau peninggalan atau rangkaian kesalahan atau peninggalan yang berkaitan yang melibatkan akses, pemprosesan, penggunaan atau pengoperasian mana-mana Sistem Komputer; atau
 - h.2 Sebarang ketersediaan atau kegagalan sebahagian atau keseluruhan atau siri ketidakstabilan separa atau keseluruhan yang berkaitan atau kegagalan untuk mengakses, memproses, menggunakan atau mengendalikan Sistem Komputer.
- (i) Sistem Komputer bermaksud:
 - i.1 Mana-mana komputer, perkakasan, perisian, sistem komunikasi, peranti elektronik (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, telefon pintar, komputer riba, tablet, peranti yang boleh dipakai), pelayan, awan atau mikrokontroler termasuk sistem serupa atau konfigurasi apa-apa yang disebutkan di atas dan termasuk input, output, peranti penyimpanan data, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan, dimiliki atau dikendalikan oleh Tertanggung atau pihak lain
- (j) Data bermaksud maklumat, fakta, konsep, kod atau maklumat lain dalam bentuk apa pun yang direkodkan atau dihantar dalam bentuk yang akan digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
- (k) Media Pemprosesan Data bermaksud harta anda oleh Polisi ini di mana Data dapat disimpan tetapi bukan Data itu sendiri.

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika Anda mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, Kami bersedia memberikan perhatian. Anda boleh menghubungi Kami di:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03 2109 6000

Faks: 03 2109 6888

Pusat Panggilan: 1 300 888 622

E-mel: callcentre@zurich.com.my

Alternatif Lain untuk Membuat Aduan

Jika Anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir Kami, Anda boleh menulis surat kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi Anda.

Jika keputusan FMOS memihak kepada Anda berbanding Kami, Anda hendaklah memaklumkan FMOS sama ada Anda menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika Anda tidak setuju dengan bayaran tersebut, Anda boleh menolak keputusan FMOS. Anda bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap Kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat: 200401025885

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: 03 2272 2811

Laman web: www.fmos.org.my

Jika aduan Anda berada di luar bidang FMOS, Anda boleh menyatakan ketidakpuasan hati Anda kepada BNMLINK.

Secara Bertulis:

Bank Negara Malaysia

BNMLINK

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

bnm.gov.my/BNMLINK

PENTING

Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat hendaklah pada sekali diberikan kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

